


RUJUKAN RINGKAS MENGENAI  
DASAR-DASAR BERKAITAN

# PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

EDISI 2023





**ISI**

# **KANDUNGAN**

**A** SEJARAH DAN LATAR  
BELAKANG KERAJAAN  
TEMPATAN MALAYSIA

**F** GARIS PANDUAN  
BERKAITAN  
PBT

**B** PENGURUSAN  
PBT

**G** PROGRAM  
DI BAWAH  
JKT

**C** KUASA DAN  
PENGUATKUASAAN  
PBT

**H** INOVASI  
DAN  
PENAMBAHBAIKAN

**D** HASIL DAN  
PENGURUSAN  
KEWANGAN PBT

**E** KUASA  
PELESENAN  
PBT



# KANDUNGAN

## (A) SEJARAH DAN LATAR BELAKANG KERAJAAN TEMPATAN DI MALAYSIA .....

8

KONSEP KERAJAAN TEMPATAN .....	8
SISTEM KERAJAAN TEMPATAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA.....	8
SISTEM KERAJAAN TEMPATAN DI SABAH.....	11
SISTEM KERAJAAN TEMPATAN DI SARAWAK .....	11
UNDANG-UNDANG PBT DI SABAH DAN SARAWAK .....	12
CIRI-CIRI KERAJAAN TEMPATAN .....	12
PILIHAN RAYA KERAJAAN TEMPATAN.....	13
PENGANTUNGAN PILIHAN RAYA KERAJAAN TEMPATAN .....	14
LAPORAN SURUHANJAYA DIRAJA ATHI NAHAPPAN .....	15
KUASA KERAJAAN PERSEKUTUAN KE ATAS KERAJAAN TEMPATAN .....	16
KUASA KERAJAAN NEGERI KE ATAS KERAJAAN TEMPATAN .....	17
MAJLIS NEGARA BAGI KERAJAAN TEMPATAN (MNKT) .....	17
PELAKSANAAN KEPUTUSAN MAJLIS NEGARA BAGI KERAJAAN TEMPATAN (MNKT) OLEH PBT.....	18
TAKRIFAN PBT DI BAWAH AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171).....	18
TAKRIFAN PBT DI SARAWAK DI BAWAH <i>LOCAL AUTHORITIES ORDINANCE 1996 (CHAPTER 20)</i> .....	19
TAKRIFAN PBT DI SABAH DI BAWAH <i>LOCAL GOVERNMENT ORDINANCE 1961 (SABAH NO.11 OF 1996)</i> .....	19
PENUBUHAN PBT DI BAWAH AKTA 171.....	19
PBT SEBAGAI SEBUAH PERBADANAN .....	22
AGENSI YANG MENJALANKAN FUNGSI SEBAGAI PBT .....	22
PERANAN DAN FUNGSI UTAMA PBT DI SEMENANJUNG MALAYSIA.....	22

## (B) PENGURUSAN PBT .....

25

KAWASAN PENTADBIRAN PBT.....	25
PELANTIKAN DATUK BANDAR/YDP PBT.....	25
PELANTIKAN SETIAUSAHA PBT .....	25
PELANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI PBT YANG LAIN .....	25
KUASA MENGADAKAN PERATURAN TATATERTIB .....	26
KUMPULAN WANG BEKALTUA ATAU KUMPULAN WANG SIMPANAN.....	26
KUASA EKSEKUTIF PBT.....	26
PELANTIKAN AHLI MAJLIS.....	26
PERANAN DAN FUNGSI AHLI MAJLIS .....	27
PEJABAT PBT .....	28
MESYUARAT BIASA PBT .....	28
MESYUARAT KHAS PBT .....	28
NOTIS MESYUARAT.....	28
MESYUARAT PBT TERBUKA KEPADA ORANG AWAM .....	28
KUORM.....	28
PENGERUSI MESYUARAT .....	29
UNDI PEMUTUS .....	29
PENUBUHAN JAWATANKUASA DI PBT.....	29
PERATURAN TETAP BAGI MENGAWAL PERJALANAN PBT .....	29
KUASA LUAR BIASA PBT DALAM KEADAAN KECEMASAN .....	29
SAHNYA PERBUATAN PEGAWAI PBT.....	30
PENYEMPURNAAN DOKUMEN.....	30
AHLI MAJLIS TIDAK BOLEH MENGUNDI KERANA MEMPUNYAI KEPENTINGAN KONTRAK .....	30
KONTRAK .....	30
PELAKSANAAN KONSEP PEGAWAI KHAS ( <i>AREA OFFICER</i> ).....	31
LAWATAN PBT KE LUAR NEGARA .....	31
BANDAR BERKEMBAR .....	32

## (C) KUASA DAN PENGUATKUASAAN PBT.....

34

KUASA PBT UNTUK MEMBUAT UNDANG-UNDANG KECIL (UUK) DI BAWAH AKTA 171 .....	34
---	----

PENALTI KERANA MELANGGAR UNDANG-UNDANG KECIL .....	35
KOMPAUN .....	35
PENALTI AM .....	36
KUASA PBT UNTUK MENGENAKAN CAJ, BAYARAN DAN FI .....	36
KUASA PBT KE ATAS MASALAH KACAU GANGGU .....	37
KUASA PBT KE ATAS MASALAH KACAU GANGGU YANG BERLAKU DI LUAR KAWASAN PBT .....	37
KUASA PBT KE ATAS PREMIS HARAM .....	38
KUASA PBT KE ATAS PEMAJUAN TANPA KEBENARAN MERANCANG .....	38
KUASA PBT KE ATAS PEMAJUAN YANG BERLAWANAN DENGAN KEBENARAN MERANCANG .....	39
KUASA PBT KE ATAS MASALAH VANDALISME .....	39
KUASA PBT KE ATAS AKTIVITI PERNIAGAAN DI KAKI LIMA/BAHU JALAN .....	40
KUASA PBT KE ATAS TEMPAT KEDIAMAN YANG TIDAK BERSIH .....	41
KUASA PBT KE ATAS RUMAH YANG SESAK .....	41
KUASA PBT UNTUK MENGOMPAUN KESALAHAN TRAFIK .....	41
KUASA PBT KE ATAS TEMPAT-TEMPAT AWAM .....	43
KUASA PBT KE ATAS PENCEMARAN ANAK SUNGAI .....	43
KUASA PBT UNTUK MEMASUKI DAN MENCUCI RUMAH ATAU BANGUNAN .....	44
KUASA PBT UNTUK MEMUSNAHKAN TIKUS .....	44
KUASA PBT UNTUK MERUNTUHKAN RUMAH YANG TIDAK LAYAK UNTUK KEDIAMAN .....	44
KUASA PBT DALAM PENDAKWAAN .....	45
KUASA PBT UNTUK MENANGKAP .....	45
KUASA PBT UNTUK MENGADAKAN TANAH PERKUBURAN / KREMATORIUM .....	45
KUASA PBT UNTUK MENAMAKAN JALAN .....	46
KUASA PBT UNTUK MEMASUKI PREMIS .....	46
TINDAKAN KE ATAS MEREKA YANG MENGHALANG TUGAS PBT .....	46
KUASA PBT UNTUK MENJALANKAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN BAGI HAL-HAL KESIHATAN .....	47
KUASA-KUASA TAMBAHAN PBT DI BAWAH AKTA 171 .....	48
PENGUATKUASAAN KE ATAS IKLAN HARAM .....	49
KUASA PBT MENAHAN PEMILIK RESTORAN YANG MELETAKKAN KERUSI DAN MEJA DI LUAR PREMIS ..	51
KUASA PBT BERKAITAN PELESENAN ANJING .....	51
KUASA PBT UNTUK PENGURUSAN KENDERAAN TERBIAR .....	52
KUASA PBT TERHADAP PEMBUANGAN SAMPAH MELALUI KENDERAAN .....	52

**(D) HASIL DAN PENGURUSAN KEWANGAN PBT ..... 54**

HASIL PBT .....	54
KUMPULAN WANG PBT .....	54
KUASA PBT UNTUK MENDAPATKAN PINJAMAN .....	55
CUKAI TAKSIRAN .....	55
PERBEZAAN KADAR CUKAI TAKSIRAN ANTARA PBT .....	57
AKAUN DAN AUDIT PBT .....	57
GERAN TAHUNAN PBT .....	58
SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (SMK) .....	59
BANTUAN BAYARAN BIL ELEKTRIK PBT SEBANYAK 50% .....	59
GERAN PELANCARAN .....	60

**(E) KUASA PELESENAN PBT ..... 62**

KUASA PBT UNTUK MENGELUARKAN LESEN .....	62
LESEN PREMIS PERNIAGAAN YANG DIKELUARKAN OLEH PBT .....	63
PELESENAN AKTIVITI PERNIAGAAN .....	63
PELESENAN PAPAN IKLAN .....	64
PELESENAN AKTIVITI PERNIAGAAN KECIL .....	64
PELESENAN AKTIVITI PERNIAGAAN YANG MELIBATKAN KEPENTINGAN ASING .....	65
PELESENAN AKTIVITI HIBURAN .....	66
PELESENAN PREMIS GOLONGAN PROFESIONAL .....	66
PELESENAN EKSPON PERDAGANGAN .....	67
PELESENAN PERNIAGAAN BARANG-BARANG LUSUH .....	67
PELESENAN MENJUAL MINUMAN KERAS .....	67
PELESENAN PUSAT SIBER/ KAFE SIBER .....	69
PELESENAN PUSAT HIBURAN KELUARGA (PHK) .....	70
PERSEMBAHAN ARTIS LUAR NEGARA .....	70
PUSAT SNUKER DAN BILLIARD DIKELUARKAN DARIPADA KATEGORI HIBURAN .....	70

PELESENAN PUSAT PERMAINAN VIDEO .....	71
PELESENAN PENJUALAN VCD/CD.....	71
PELESENAN INDUSTRI SARANG BURUNG WALIT .....	71

## **(F) GARIS PANDUAN BERKAITAN PBT..... 73**

GARIS PANDUAN PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENYAMPAIAN PROSEDUR DAN PROSES CADANGAN PEMAJUAN.....	73
GARIS PANDUAN BAGI PELAKSANAAN PUSAT SETEMPAT MEMPROSES CADANGAN PEMAJUAN .....	73
GARIS PANDUAN BAGI SISTEM PENGETAHUAN SIAP DAN PEMATUHAN OLEH PARA PROFESIONAL.....	73
KRITERIA BARU NAIK TARAF PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) .....	74
PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN PUSAT SETEMPAT (OSC) .....	74
KURSUS LATIHAN ASAS KEBERSIHAN PENGENDALI DAN PENJAJA MAKANAN DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN .....	75
GARIS PANDUAN PERANCANGAN PAPAN IKLAN LUAR .....	75
GARIS PANDUAN PENYIDAIAN KAIN DI KEDIAMAN BERBILANG TINGKAT.....	75
GARIS PANDUAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN BUKIT DAN TANAH TINGGI.....	76
PENAMBAHBAIKAN URUSAN RUNDINGAN BAGI PROJEK PEMBANGUNAN JABATAN KERJA RAYA (JKR) .....	76
INDIKATOR BARU SISTEM <i>STAR RATING</i> PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SSR-PBT) .....	77
GARIS PANDUAN PENYERTAAN ASING DALAM SEKTOR PERDAGANGAN PENGEDARAN DI MALAYSIA (PINDAAN) 2010.....	77
GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN INDUSTRI BURUNG WALIT (1GP) .....	77
PENGKLASIFIKASIAN PERKHIDMATAN SPA DAN URUTAN REFLEKSOLOGI .....	78
GARIS PANDUAN PENAMBAHBAIKAN PENGETAHUAN LESEN PERNIAGAAN DAN LESEN KOMPOSIT HOTEL (PINDAAN 2011) .....	78
GARIS PANDUAN PERANCANGAN REKA BENTUK SEJAGAT ( <i>UNIVERSAL DESIGN</i> ).....	79
GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENGENALPASTIAN BAGI PEMBANGUNAN SEMULA KAWASAN <i>BROWNFIELD</i> .....	79
GARIS PANDUAN <i>STAR RATING</i> KEBERSIHAN TANDAS KEGUNAAN AWAM DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN .....	79
GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN .....	80
GARIS PANDUAN SISTEM PENGUMPULAN DAN PENGGUNAAN SEMULA AIR HUJAN (SPAH) .....	80
GARIS PANDUAN PUSAT PENYEMBELIHAN AYAM, ITIK DAN UNGGAS DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN .....	80
GARIS PANDUAN SISTEM PENGGREDIAN PREMIS MAKANAN DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN .....	81
TATACARA OPERASI PIawai (SOP) PENANGKAPAN DAN PELUPUSAN ANJING TERBIAR DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN .....	81
UNDANG-UNDANG KECIL (UUK) SPA 2014 .....	81
GARIS PANDUAN PERANCANGAN LORONG BELAKANG .....	82
GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENGUKURAN KE ATAS JAJARAN UTILITI BAWAH TANAH SEMASA PEMASANGAN.....	82
GARIS PANDUAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN FIZIKAL PULAU-PULAU DAN TAMAN LAUT.....	82
SENARAI SEMAK KEMUDAHAN AKSES BERDASARKAN REKABENTUK SEJAGAT MS1184:2014 .....	83
GARIS PANDUAN PERANCANGAN KAWASAN PERDAGANGAN .....	84
GARIS PANDUAN PENGURUSAN BAZAR RAMADAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN .....	84
MEWAJIBKAN PENGGUNAAN KAEDAH IBS SEBAGAI SALAH SATU SYARAT KELULUSAN PELAN BANGUNAN OLEH PBT .....	84
GARIS PANDUAN PERANCANGAN CHALET ATAS AIR .....	85
GARIS PANDUAN PERANCANGAN TEMPAT LETAK KENDERAAN (TLK).....	85
PELAN TINDAKAN PENGURUSAN TANDAS AWAM KEBANGSAAN DAN MANUAL PEMBERSIHAN TANDAS AWAM.....	85
GARIS PANDUAN KAWALAN TIKUS DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN .....	86
GARIS PANDUAN AMALAN BAIK BAHAN KIMIA DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) .....	86
GARIS PANDUAN PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA – SYARAT-SYARAT PENUBUHAN DI BANGUNAN BERTINGKAT .....	86
GARIS PANDUAN PEMASANGAN PERANGKAP MINYAK DI PREMIS MAKANAN DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) SELURUH NEGARA .....	87
GARIS PANDUAN PENGURUSAN TRAK BERGERAK (MAKANAN, BARANGAN DAN PERKHIDMATAN) DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN .....	87
GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG AWAM DI KAWASAN PBT .88	

GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMANTAUAN KUALITI AIR KOLAM RENANG .....	88
GARIS PANDUAN PENGURUSAN PASAR MALAM/ PASAR HARIAN/ PASAR TANI DI KAWASAN PBT .....	89
GARIS PANDUAN KAWALAN NYAMUK DI KAWASAN PBT.....	90
PELAN TINDAKAN AKSESIBILITI ORANG KURANG UPAYA DI BAWAH ASPEK PERSEKITARAN FIZIKAL BAGI PANDUAN PELAKSANAAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) .....	90
PELAKSANAAN MANUAL OSC 3.0 PLUS DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) SEMENANJUNG MALAYSIA .....	91
GARIS PANDUAN PENGURUSAN KENDERAAN TERBIAR DI KAWASAN OPERASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN .....	91
GARIS PANDUAN PENGURUSAN PREMIS CUCIAN KENDERAAN DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN .....	92
GARIS PANDUAN KAEDAH PEROLEHAN PIHAK PENGURUSAN BANGUNAN BERSTRATA .....	92
PROSEDUR PERMOHONAN BAGI PENYEDIAAN PENGINAPAN PEKERJA SECARA JANGKA PENDEK .....	92
GARIS PANDUAN PASAR SEJAHTERA DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN .....	93
PROSEDUR PERMOHONAN PEMAJUAN MENARA ATAU STRUKTUR KOMUNIKASI.....	93
GARIS PANDUAN PENGURUSAN CERUN DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN .....	94
GARIS PANDUAN SANITASI DAN DISINFEKSI KEMUDAHAN AWAM DAN PREMIS DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN .....	94
GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUTUS ( <i>CENTRALISED LABOUR QUARTERS - CLQ</i> ) .....	94
CADANGAN PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (UKBS) 1984 .....	95
GARIS PANDUAN <i>RESILIENCE IN CONSTRUCTION (LANDSLIDE)</i> OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) .....	95

## **(G) PROGRAM DI BAWAH JABATAN KERAJAAN TEMPATAN ..... 97**

PROGRAM BANDAR SELAMAT .....	97
PROGRAM PERPARITAN BANDAR.....	97
PROGRAM KAWALAN PENCEMARAN AIR .....	98
PROGRAM PENGURUSAN FASILITI.....	98
APLIKASI I-TEGUR SEBAGAI SALURAN ADUAN TUNGGAL PBT.....	98

## **(I) INOVASI DAN PENAMBAHBAIKAN ..... 102**

PUSAT SETEMPAT ( <i>ONE STOP CENTRE</i> ) .....	102
SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) .....	105
PORTAL eJKT.....	111
SISTEM ePBT 2.0 .....	112
APLIKASI MOBILE MyWC .....	112
PBTPAY .....	113

**A** SEJARAH DAN LATAR BELAKANG  
KERAJAAN TEMPATAN DI MALAYSIA

**SEJARAH DAN  
LATAR BELAKANG  
KERAJAAN  
TEMPATAN DI  
MALAYSIA**

**A**

# (A) SEJARAH DAN LATAR BELAKANG KERAJAAN TEMPATAN DI MALAYSIA

## KONSEP KERAJAAN TEMPATAN

*Kerajaan tempatan pada umumnya bermaksud sebagai satu unit sistem wilayah yang ditentukan oleh sempadan-sempadan, identiti yang sah, struktur institusi, tugas dan kuasa yang ditentukan secara am dan kedudukan khas dan darjah kewangan serta lain-lain autonomi” (Hill, 1974:23).*

*“kerajaan tempatan merujuk kepada bahagian kecil politik bagi sebuah negara atau (dalam sistem persekutuan) negeri yang tertakluk oleh undang-undang dan mempunyai kawalan yang besar terhadap hal ehwal tempatan, termasuk kuasa-kuasa mengadakan cukai atau buruh tetap untuk tujuan yang dinyatakan. Badan yang mentadbirkan sebagai satu entiti adalah dilantik atau dipilih” (Sady, 1962:135).*

*Local government refers collectively to administrative authorities over areas that are smaller than a state. The term is used to contrast with offices at nation-state\_level, which are referred to as the central government, national government, or (where appropriate) federal government. "Local government" only acts within powers delegated to it by legislation or directives of the higher level of government and each country has some kind of local government which will differ from those of other countries. In primitive societies the lowest level of local government is the village headman or tribal chief ([http://en.wikipedia.org/wiki/Local\\_government](http://en.wikipedia.org/wiki/Local_government)).*

## SISTEM KERAJAAN TEMPATAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Sistem pentadbiran kerajaan tempatan bermula di negeri Pulau Pinang pada tahun 1801 dengan Penubuhan Jawatankuasa Penaksir ataupun

*Committee of Assessors*. Jawatankuasa ini berfungsi sebagai kerajaan tempatan di mana tugas utamanya ialah merancang dan melaksanakan pembangunan negeri Pulau Pinang.

Sistem kerajaan tempatan terus berkembang di negeri-negeri lain dengan menggunakan pelbagai nama seperti Perbandaran, Majlis Daerah Luar Bandar, Lembaga Bandaran, Majlis Bandaran dan Majlis Tempatan. Pelbagai undang-undang yang mengawal pengurusan kerajaan tempatan diwujudkan dan antaranya ialah *Straits Settlement Municipal Act (1857)*, *Straits Settlement Municipal Ordinance No.9 (1887)*, *Sanitary Boards Enactment (1907)*, *New Municipal Ordinance (Cap 133)(1913)* dan *Town Board Enactment (1933)*.

Perkembangan sistem kerajaan tempatan di Semenanjung Malaysia secara ringkasnya boleh dilihat melalui peristiwa-peristiwa berikut :

### **TAHUN PERISTIWA**

- 1801 Jawatankuasa *ad-hoc* bergelar *Committee of Assessors* ditubuhkan. Ahli-ahlinya dipilih manakala pengurusinya dilantik. Tugas utama jawatankuasa ini ialah merancang dan melaksanakan pembangunan bandar Pulau Pinang. Penubuhannya dianggap sebagai permulaan kepada sistem kerajaan tempatan di Malaysia.
- 1827 Jawatankuasa *Committee of Assessors* ini diiktiraf oleh undang-undang.
- 1848 *Municipal Rates Act* digubal dan pemakaianya dipanjangkan ke Melaka dan Singapura. Taraf *Committee of Assessors* diubah menjadi Jawatankuasa Perbandaran.
- 1856 Jawatankuasa Perbandaran dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran. Sempadan ditentukan dan fungsinya juga ditetapkan terutamanya dalam memberikan perkhidmatan. Punca kewangan Jawatankuasa Perbandaran ialah dari cukai harta. Ahli-ahlinya dilantik (Tahun 1913), dan Majlis ini mempunyai kakitangannya sendiri. Kawasan luar bandaraya pula ditadbir oleh Lembaga Luar Bandar. Bentuk ini banyak persamaan dengan *Country Boroughs* di England.

## TAHUN PERISTIWA

- 1907 Lembaga Kebersihan (*Sanitary Board*) ditubuhkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Pengurusannya dikendalikan oleh Pegawai-Pegawai Daerah dengan dibantu oleh seorang Setiausaha manakala kakitangannya pula adalah terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan bukan lagi pekerja-pekerja yang dilantik oleh lembaga.
- 1930 Lembaga Kebersihan dimansuhkan dan fungsinya diambil alih oleh Lembaga-Lembaga Bandaran di bawah *Town Board Enactment (FMS Cap. 137)*.
- 1938 Lembaga-Lembaga Bandaran ditubuhkan di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu iaitu negeri Terengganu, Johor, Kedah dan Kelantan.
- 1948 Ordinan Perbandaran (Chapter 133) dipinda bagi membolehkan Lembaga Bandaran di bandar-bandar besar dinaik taraf kepada Perbandaran. Contohnya Kuala Lumpur telah dinaik taraf kepada Perbandaran pada tahun 1948 dan kemudiannya Ipoh pada tahun 1962.
- 1950 Sistem pemilihan ahli-ahli Majlis Tempatan melalui pilihan raya kerajaan tempatan diperkenalkan oleh Ordinan Pilihanraya Penguin-Penguin Tempatan.
- 1952 Majlis-Majlis Tempatan di bawah Ordinan Penguin-Penguin Tempatan ditubuhkan. Ahli-ahlinya dipilih melalui pilihan raya. Majlis ini diberi kuasa autonomi kewangan. Kawasan Majlis Tempatan juga meliputi kampung-kampung baru.
- 1957 Perlombagaan Persekutuan meletakkan kerajaan tempatan di bawah kuasa Kerajaan Negeri.
- 1960 Ordinan Pilihanraya Penguin-Penguin Tempatan 1950 dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Pilihanraya Kerajaan Tempatan 1960 [Akta 11/60]. Akta ini memperuntukkan supaya pilihan raya kerajaan tempatan dikendalikan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dan calon-calon boleh bertanding atas nama dan lambang parti politik.

## **TAHUN PERISTIWA**

- 1965 Pilihan raya kerajaan tempatan digantung di bawah Peraturan Darurat 1965. Pengurusan penguasa tempatan diambil alih dan diletakkan di bawah Kerajaan Negeri .
- 1965 Suruhanjaya Di Raja Penyiasatan ditubuhkan untuk mengkaji sistem kerajaan tempatan. YB. Senator Dato' Athi Nahappan dilantik sebagai Pengerusi. Tugas Suruhanjaya ini ialah untuk mengkaji kedudukan penguasa-penguasa tempatan serta membuat perakuan-perakuan bagi memperbaiki sistem kerajaan tempatan.
- 1968 Laporan Suruhanjaya Athi Nahappan dikemukakan kepada kerajaan.
- 1973 Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan Sementara) 1973 [Akta 124] diluluskan. Kerajaan tempatan dan Penguin - Penguin Tempatan disusun semula dan sistem pilihan raya kerajaan tempatan dimansuhkan.
- 1974 Akta Jalan, Parit dan Bangunan [Akta 133] diluluskan.
- 1976 Akta Kerajaan Tempatan [Akta 171] dan Akta Perancangan Bandar dan Desa [Akta 172] diluluskan.

## **SISTEM KERAJAAN TEMPATAN DI SABAH**

Di Sabah, kerajaan tempatan ditubuhkan di bawah *Local Government Ordinance, 1961 (Sabah No. 11 of 1996)*(Sabah). Ordinan ini turut menggariskan tanggungjawab dan fungsi kerajaan tempatan di Sabah. Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah yang dibentuk selepas pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) pada tahun 1963, bertanggungjawab mentadbir perjalanan 26 buah PBT di negeri Sabah.

## **SISTEM KERAJAAN TEMPATAN DI SARAWAK**

Di Sarawak, kerajaan tempatan ditubuhkan di bawah *Local Authorities Ordinance, 1996*. Ordinan ini adalah mewarisi sebahagian perundangan yang sebelum ini digubal di bawah Ordinan Kerajaan

Tempatan 1977. Di samping itu, undang-undang lain yang mengawal tugas kerajaan tempatan ialah *Building Ordinance*, 1994, *Protection of Public Health Ordinance*, 1999, *Entertainment Ordinance*, 2000 dan juga undang-undang kecil di bawahnya. Di bandar raya Kuching, Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) dan Majlis Perbandaran Padawan adalah tertakluk kepada peruntukan *Local Authorities Ordinance*, 1996 manakala Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) diletakkan di bawah *City of Kuching North (Amendment) Ordinance*, 2007. Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak bertanggungjawab mentabdir perjalanan kerajaan tempatan di negeri Sarawak bagi 24 PBT sementara 2 lagi PBT adalah di bawah pentadbiran Jabatan Ketua Menteri.

## UNDANG-UNDANG PBT DI SABAH DAN SARAWAK

Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] tidak terpakai kepada PBT di Sabah dan Sarawak kerana berdasarkan Perkara 95D Perlembagaan Persekutuan, Sabah dan Sarawak terkeluar daripada kuasa Parlimen untuk meluluskan undang-undang seragam mengenai tanah atau kerajaan tempatan. Sabah dan Sarawak mempunyai undang-undang kerajaan tempatan sendiri, iaitu *Local Government Ordinance*, 1961 (*Sabah No. 11 of 1996*) bagi negeri Sabah dan *Local Authorities Ordinance*, 1996 serta *City of Kuching North (Amendment) Ordinance*, 2007 bagi negeri Sarawak. Selain itu, PBT di kedua-dua negeri juga mempunyai undang-undang perancangan dan bangunan sendiri.

## CIRI-CIRI KERAJAAN TEMPATAN

Kerajaan tempatan mempunyai ciri-ciri berikut :

- (i) sebuah kerajaan yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal tempatan, yang telah diwakilkan kuasa kepadanya oleh sebuah Kerajaan yang lebih tinggi sama ada kerajaan pusat atau Kerajaan Negeri;

- (ii) kerajaan peringkat ketiga selepas kerajaan pusat dan Kerajaan Negeri dan tertakluk di bawah kawalan kerajaan yang tertinggi daripadanya;
- (iii) mempunyai kuasa autonomi yang terhad setakat mana yang dianugerahkan oleh Kerajaan yang tertinggi kepadanya dan khususnya dalam bidang kewangan dan pentadbiran;
- (iv) satu badan korporat berasingan daripada kerajaan yang tertinggi dan mempunyai kuasa untuk mendakwa, didakwa, membuat kontrak dan mempunyai harta; dan
- (v) mempunyai keupayaan memberi kemudahan dan perkhidmatan kepada penduduk sesebuah kawasan.

## PILIHAN RAYA KERAJAAN TEMPATAN

Pilihan raya kerajaan tempatan yang pertama di Tanah Melayu telah diadakan pada bulan Disember 1857 di bawah Akta *East India XXVII* yang berkuat kuasa pada 14 Jun 1856 pada zaman pemerintahan Kerajaan British. Kerajaan tempatan pada waktu itu mengandungi 5 orang Ahli Majlis. Pilihan raya ini bertujuan memilih 3 orang Ahli Majlis. Seorang lagi Ahli Majlis dilantik oleh kerajaan dan seorang lagi ialah Ahli Tetap yang akan menjadi Presiden. Sistem pilihan raya ini telah dimansuhkan pada tahun 1913 apabila Ordinan Perbandaran 1913 diluluskan. Ahli-ahli Majlis kerajaan tempatan ditentukan melalui pelantikan sepenuhnya oleh kerajaan. Namun, pada tahun 1951, apabila British kembali dan mengambil semula pemerintahan Tanah Melayu dan Borneo dari pemerintahan Jepun, pilihan raya kerajaan tempatan dijalankan semula dengan kuat kuasa Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan 1950.

Melalui Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1960 (Akta 11/1960) yang diwujudkan pada tahun 1960, bidang kuasa berhubung dengan tanggungjawab penyeliaan pilihan raya kerajaan tempatan telah dipindahkan daripada Kerajaan Negeri kepada Suruhanjaya Pilihan Raya. Akta tersebut turut memperuntukkan bahawa pilihan raya kerajaan tempatan diadakan 3 tahun sekali berbanding Ordinan

Pilihanraya Pihak Berkuasa Tempatan 1950 yang memperuntukkan pilihan raya diadakan setahun sekali.

## **PENGGANTUNGAN PILIHAN RAYA KERAJAAN TEMPATAN**

Akta 11/1960 telah digantung pelaksanaannya pada tahun 1965 semasa berlakunya konfrontasi antara Malaysia dengan Indonesia melalui Peraturan Darurat (Penggantungan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan) 1965 (LN 75/1965) dan Peraturan Darurat (Menggantung Pilihan Raya Kerajaan Tempatan)(Pindaan) 1965 (LN 312/1965). Peraturan ini merupakan peraturan-peraturan darurat di bawah Akta Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 1964 (Akta 30/1964).

Pada tahun 1973, Parlimen telah meluluskan Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-Peruntukan Sementara) 1973 (Akta 124). Akta 124 adalah peruntukan sementara mengenai PBT di Semenanjung Malaysia sebelum PBT disusun semula. Seksyen 3(1) Akta 124 memperuntukkan mengenai penggantungan pilihan raya kerajaan tempatan seperti berikut:

*“Section 3. Provisions relating to local government elections ceasing to have effect.*

*(1) Notwithstanding anything to the contrary contained in any law and for so long as this Act is in operation, all provisions in any law relating to local government elections shall cease to force or effect....”*

Akta 124 telah memansuhkan LN 75/1965 dan LN 312/1965. Apabila Akta 171 diluluskan bagi menggantikan Akta 124, penggantungan pilihan raya dikenakan selaras dengan peruntukan seksyen 15(1) Akta 171 seperti berikut:

*“Section 15. Provisions relating to local government elections ceasing to have effect.*

*(1) Notwithstanding anything to the contrary contained in any written law, all provisions relating to local government elections shall cease to have force or effect.*

Walaupun terdapat desakan daripada pelbagai pihak termasuk parti politik dan badan bukan kerajaan (NGO) supaya kerajaan mengembalikan pilihan raya kerajaan tempatan, namun kerajaan pada tahun 2005 telah memutuskan supaya tiada pilihan raya kerajaan tempatan diadakan untuk memilih Ahli Majlis PBT. Keputusan ini kekal sehingga sekarang.

## LAPORAN SURUHANJAYA DIRAJA ATHI NAHAPPAN

Pada tahun 1965, kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Diraja Athi Nahappan bagi mengkaji semula peranan dan fungsi kerajaan tempatan di Semenanjung Malaysia. Suruhanjaya tersebut dipengerusikan oleh Y.B. Senator Dato' Athi Nahappan. Kajian semula ini perlu dilakukan memandangkan struktur kerajaan tempatan pada waktu itu tidak berupaya membantu perkembangan sesebuah kerajaan tempatan dalam memberikan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti. Jumlah kerajaan tempatan didapati terlalu besar bilangannya dan mereka juga menghadapi pelbagai isu tadbir urus yang tersendiri. Pada masa yang sama, kerajaan tempatan tersebut mewujudkan pelbagai undang-undang bagi mentadbir kawasan masing-masing dan undang-undang ini tidak seragam bagi satu kerajaan tempatan dengan kerajaan tempatan yang lain.

Asas rujukan (TOR) bagi Suruhanjaya Diraja Athi Nahappan adalah seperti berikut:

- (i) untuk menyiasat dan mempertimbangkan sama ada kerajaan tempatan dalam pelbagai kategori sedia ada yang terletak di ibu negeri memenuhi matlamat sebenar kewujudannya; dan
- (ii) melaporkan perkara yang dijangka berlaku berdasarkan kepada struktur kerajaan tempatan sedia ada dan mencadangkan langkah-langkah penyelesaian yang perlu diambil dengan mengambil kira undang-undang sedia ada yang berkaitan dengannya.

Pada tahun 1968, Suruhanjaya Diraja Athi Nahappan telah menyiapkan laporannya yang mengandungi 306 cadangan ataupun perakuan kepada kerajaan untuk dipertimbangkan. Antara perakuan tersebut termasuklah cadangan mewujudkan akta yang seragam bagi mentadbir urusan kerajaan tempatan.

## KUASA KERAJAAN PERSEKUTUAN KE ATAS KERAJAAN TEMPATAN

Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Parlimen untuk menentukan keseragaman undang-undang dan dasar mengenai kerajaan tempatan.

Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan penubuhan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) sebagai badan tertinggi penggubal dasar dan undang-undang untuk kerajaan tempatan. Sebarang perkara yang melibatkan dasar dan perundangan mengenai kerajaan tempatan adalah tertakluk kepada kelulusan MNKT. MNKT yang pertama telah diadakan pada 23 November 1960 yang dipengerusikan oleh Menteri yang bertanggungjawab ke atas kerajaan tempatan.

Pada 15 Disember 1999, Mesyuarat Jemaah Menteri melalui kertas MJM bertajuk Cadangan Penyusunan Semula Dan Pembubaran Jawatankuasa-Jawatankuasa Kabinet Dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Peringkat Menteri telah bersetuju supaya Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri mempengerusikan jawatankuasa termasuklah Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT). Oleh itu, MNKT mula dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri mulai tahun 2000.

Walaubagaimanapun, Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 18 Mac 2020 melalui kertas Nota Jemaah Menteri bertajuk Keputusan Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan Ke-75 telah bersetuju supaya YB Menteri Kanan Kerja Raya yang mengetuai

Kluster Infrastruktur mempengerusikan Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan.

## **KUASA KERAJAAN NEGERI KE ATAS KERAJAAN TEMPATAN**

Butiran 4, Senarai II-Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan supaya hal yang berkaitan dengan kerajaan tempatan kecuali bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

## **MAJLIS NEGARA BAGI KERAJAAN TEMPATAN (MNKT)**

Peruntukan-peruntukan berhubung MNKT berdasarkan Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- (1) Maka hendaklah ada suatu Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan yang terdiri daripada seorang Menteri sebagai Pengurus, seorang wakil dari setiap Negeri yang hendaklah dilantik oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri, dan apa-apa bilangan wakil Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan tetapi, tertakluk kepada Fasal (5) Perkara 95E, bilangan wakil Kerajaan Persekutuan tidak boleh melebihi sepuluh.
- (2) Membentuk dari semasa ke semasa, dengan berunding dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri, suatu dasar Negara untuk memajukan, membangunkan dan mengawal Kerajaan Tempatan di seluruh Persekutuan; juga untuk mentadbir sebarang undang-undang mengenainya. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri hendaklah mengikuti dasar yang telah dibentuk dan dipersetujui oleh MNKT;
- (3) Memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengenai sebarang undang-undang berhubung Kerajaan Tempatan;

- (4) Membolehkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berunding mengenai sebarang perkara berhubung Kerajaan Tempatan; dan
- (5) Mesyuarat MNKT hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun.

## **PELAKSANAAN KEPUTUSAN MAJLIS NEGARA BAGI KERAJAAN TEMPATAN (MNKT) OLEH PBT**

Dasar yang dipersetujui di dalam MNKT akan diterjemahkan dalam bentuk Garis Panduan dan Arahan Pentadbiran yang dihebahkan menerusi Pekeliling Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Persetujuan pemakaian Garis Panduan dan Arahan Pentadbiran di peringkat Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Negeri perlu dibentang dan diluluskan dahulu melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) untuk tindakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengguna pakai Garis Panduan dan Arahan Pentadbiran tersebut.

Bagi Negeri Sabah dan Sarawak, Perkara 95E Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa dua (2) Negeri tersebut terkeluar daripada rancangan negara bagi penggunaan tanah, kerajaan tempatan dan pembangunan. Walau bagaimanapun, setiap keputusan MNKT turut dipanjangkan kepada kedua-dua negeri tersebut untuk makluman serta boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian.

## **TAKRIFAN PBT DI BAWAH AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171)**

Seksyen 2 Akta 171 mentakrifkan PBT sebagai mana-mana Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah dan bagi Wilayah Persekutuan ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960.

Manakala Seksyen 10 Akta 171 memperuntukkan PBT hendaklah terdiri daripada:

- (a) Datuk Bandar/ Yang DiPertua (YDP); dan
- (b) tidak kurang daripada 8 dan tidak lebih daripada 24 Ahli Majlis yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.

## **TAKRIFAN PBT DI SARAWAK DI BAWAH *LOCAL AUTHORITIES ORDINANCE 1996 (CHAPTER 20)***

*“Local authority” means:-*

- (a) *a City Administration named in Part I of the First Schedule;*
- (b) *a Municipal Council named in Part II of the First Schedule; and*
- (c) *a District Council named in Part III of the First Schedule.*

Lembaga Kemajuan Bintulu (Bintulu Development Authority) turut dimasukkan dalam (b) di atas.

## **TAKRIFAN PBT DI SABAH DI BAWAH *LOCAL GOVERNMENT ORDINANCE 1961 (SABAH NO.11 OF 1996)***

*“Authority” means any District Council, Town Board or Municipal Council established under the provisions of Section 3.*

### ***“Section 3:***

*Subject to the provisions of this Ordinance the Yang di-Pertua Negeri may by Instrument published in the Gazette establish such District Councils, Town Boards, or Municipal Councils in any part of Sabah as he may think necessary or expedient for the purposes of local government.”*

## **PENUBUHAN PBT DI BAWAH AKTA 171**

Seksyen 3 Akta 171 memperuntukkan penubuhan PBT boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri setelah berunding dengan Menteri yang bertanggungjawab ke atas kerajaan tempatan dan Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya. Penubuhan ini bolehlah diisytiharkan oleh Kerajaan Negeri melalui pewartaan di mana ia mengisytiharkan mana-

mana kawasan menjadi sebuah PBT, memberi nama, menentukan sempadan dan menetapkan taraf PBT itu sama ada Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah. Ringkasan PBT berdasarkan kategori adalah seperti di **Jadual 1**:

BIL.	KATEGORI PBT	JUMLAH
1.	Majlis Bandaraya	19
2.	Majlis Perbandaran	40
3.	Majlis Daerah	92
4.	Agenzi diberi kuasa oleh PBN ( <i>modified PBT</i> )	4
<b>JUMLAH</b>		<b>155</b>
1.	Semenanjung Malaysia	99
2.	Sabah	26
3.	Sarawak	26
4.	Agenzi diberi kuasa oleh PBN ( <i>modified PBT</i> ) (2 WP, 1 Kedah, 1 Pahang)	4
<b>JUMLAH</b>		<b>155</b>

**Jadual 1 : Ringkasan PBT Negeri (Sehingga 31 Mei 2021)**

Sehingga 30 November 2022, sebanyak 151 PBT dan empat (4) Agenzi Diberi Kuasa PBT telah ditubuhkan di Malaysia seperti di **Jadual 2** berikut:

BIL.	NEGERI	DEWAN / MAJLIS BANDARAYA	MAJLIS PERBANDARAN	MAJLIS DAERAH	JUMLAH	AGENSI DIBERI KUASA PBT	JUMLAH
1.	JOHOR	3	7	6	16	0	16
2.	KEDAH	1	4	6	11	1	12
3.	KELANTAN	0	1	11	12	0	12
4.	MELAKA	1	3	0	4	0	4
5.	NEGERI SEMBILAN	1	2	4	7	0	7
6.	PAHANG	1	2	8	11	1	12
7.	PERAK	1	4	10	15	0	15
8.	PERLIS	0	1	0	1	0	1
9.	PULAU PINANG	2	0	0	2	0	2
10.	SABAH	1	2	23	26	0	26
11.	SARAWAK	3	4	19	26	0	26
12.	SELANGOR	3	8	1	12	0	12
13.	TERENGGANU	1	2	4	7	0	7
14.	W.P. KUALA LUMPUR	1	0	0	1	0	1
15.	W.P. LABUAN	0	0	0	0	1	1
16.	W.P. PUTRAJAYA	0	0	0	0	1	1
<b>JUMLAH</b>		<b>19</b>	<b>40</b>	<b>92</b>	<b>151</b>	<b>4</b>	<b>155</b>

**Jadual 2 : Bilangan PBT Mengikut Taraf Dan Negeri (Sehingga 30 November 2022)**

*Nota:*

- i. *Naik taraf Majlis Perbandaran Kuantan kepada Majlis Bandaraya Kuantan (Warta 21.02.2021)*
- ii. *Naik taraf Majlis Daerah Pontian kepada Majlis Perbandaran Pontian (Warta 31.03.2021)*
- iii. *Naik taraf Majlis Daerah Hulu Selangor kepada Majlis Perbandaran Hulu Selangor (Warta 07.08.2021)*
- iv. *Naik taraf Majlis Daerah Kuala Selangor kepada Majlis Perbandaran Kuala Selangor (Warta 07.08.2021)*
- v. *PBT baharu di Sabah-Majlis Daerah Telupid (Warta 23.01.2021)*

Akta 171 juga membenarkan perkara-perkara seperti berikut:

**(i) Tukar Nama PBT**

Proses penukaran nama PBT di bawah seksyen 4(1) Akta 171 boleh dibuat menerusi rundingan antara Kerajaan Negeri dengan PBT berkaitan dan kemudiannya melakukan pemberitahuan dalam warta.

**(ii) Naik Taraf PBT**

Proses naik taraf PBT boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri di bawah seksyen 4(2) Akta 171 setelah berunding dengan Menteri yang bertanggungjawab ke atas kerajaan tempatan dan PBT berkaitan dan kemudiannya melakukan pemberitahuan dalam warta. Permohonan naik taraf hendaklah mematuhi kriteria naik taraf PBT yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Pekeliling Bilangan 4 Tahun 2008 bertarikh 1 Julai 2008 - Kriteria Baru Naik Taraf Pihak Berkuasa Tempatan.

**(iii) Pengubahan Sempadan PBT (Peluasan/Pengecilan Kawasan)**

Proses pengubahan sempadan PBT boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri di bawah seksyen 4(3) Akta 171 setelah berunding dengan Menteri yang bertanggungjawab ke atas kerajaan tempatan dan Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya dan kemudiannya melakukan pemberitahuan dalam warta.

#### **(iv) Percantuman PBT**

Proses percantuman dua ataupun lebih PBT boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri di bawah seksyen 5 Akta 171 menerusi suatu perintah melalui pemberitahuan dalam *warta* setelah berunding dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Setiausaha Pilihanraya.

*Nota:*

*Permohonan naik taraf diproses oleh KPKT dan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Rasionalisasi Sektor Awam (JPRSA) yang diurus setiakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)*

### **PBT SEBAGAI SEBUAH PERBADANAN**

Seksyen 13 Akta 171 memperuntukkan PBT adalah sebuah pertubuhan perbadanan yang mempunyai satu meterai yang boleh diubah dari semasa ke semasa dan boleh mendakwa dan didakwa serta memperolehi, memegang dan menjual harta.

### **AGENSI YANG MENJALANKAN FUNGSI SEBAGAI PBT**

Terdapat empat (4) agensi yang diberi kuasa oleh Kerajaan Negeri untuk menjalankan fungsi PBT di kawasan masing-masing seperti berikut:

- (i) Perbadanan Putrajaya;
- (ii) Perbadanan Labuan;
- (iii) PBT Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim; dan
- (iv) Lembaga Pembangunan Tioman.

Keempat-empatnya tidak ditakrif sebagai PBT sepenuhnya kerana tidak memenuhi seksyen 2 dan 10 Akta 171.

### **PERANAN DAN FUNGSI UTAMA PBT DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Peranan dan fungsi utama PBT di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan tiga (3) akta utama seperti berikut :

<b>AKTA 171</b>	<b>AKTA 172</b>	<b>AKTA 133</b>
<p>(i) mengurus hal-hal pentadbiran, perjawatan, perjalanan urusan, peruntukan kewangan, akaun dan audit PBT;</p> <p>(ii) menyenggara tempat-tempat ataupun bangunan-bangunan awam;</p> <p>(iii) mengurus dan mengutip hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan yang berada dalam kawasannya;</p> <p>(iv) memelihara dan menjamin kesejahteraan awam melalui pengubalan dan penguatkuasaan Undang-undang Kecil (UUK);</p> <p>(v) mengeluarkan lesen atau permit bagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan di kawasan PBT; dan</p> <p>(vi) melaksanakan sebarang kerja yang boleh memberi faedah dan manfaat kepada penduduk setempat.</p>	<p>(i) PBT adalah pihak berkuasa perancang tempatan untuk kawasannya;</p> <p>(ii) menyediakan rancangan tempatan dan juga rancangan kawasan khas (RKK);</p> <p>(iii) membuat kawalan terhadap perancangan untuk pembangunan tanah agar mengikut rancangan tempatan;</p> <p>(iv) penguatkuasaan terhadap mana-mana kesalahan yang disabitkan di bawah Akta ini; dan</p> <p>(v) menjalankan apa-apa fungsi lain yang ditugaskan kepadanya dari semasa ke semasa oleh Kerajaan Negeri dan Jawatankuasa Perancang Negeri.</p>	<p>(i) mengurus dan menyenggara jalan-jalan awam, parit dan bangunan;</p> <p>(ii) memastikan pembinaan sesuatu bangunan mengikut perundangan dan peraturan yang telah ditetapkan;</p> <p>(iii) memastikan kerja-kerja tanah yang dilaksanakan mengikut kehendak-kehendak yang telah ditetapkan khususnya dari aspek keselamatan;</p> <p>(iv) mengadakan undang-undang kecil bagi memperkemas dan melaksanakan peruntukan akta seperti kerja-kerja membaiki, membina dan menyenggara jalan-jalan awam, parit, longkang dan lorong belakang; dan</p> <p>(v) melaksanakan tindakan-tindakan penguatkuasaan ke atas pihak yang tidak mematuhi perundangan dan peraturan yang ditetapkan.</p>

# PENGURUSAN PBT

**3**

## (B) PENGURUSAN PBT

### KAWASAN PENTADBIRAN PBT

Kawasan pentadbiran PBT merupakan kawasan yang diisyihar dan diwartakan oleh Kerajaan Negeri di bawah seksyen 3 Akta 171 sebagai kawasan sesebuah PBT yang meliputi **kawasan operasi** dan **kawasan kawalan**.

- **Kawasan operasi** merujuk kepada kawasan yang PBT akan mengenakan cukai (cukai langsung/tidak langsung) dan memberikan perkhidmatan perbandaran di dalam kawasan pentadbiran tersebut.
- **Kawasan kawalan** merangkumi semua kawasan termasuk bandar dan luar bandar. Kawasan kawalan diwujudkan bagi mengawal selia pembangunan di kawasan tersebut.

### PELANTIKAN DATUK BANDAR/YDP PBT

Pelantikan Datuk Bandar/YDP PBT di Semenanjung Malaysia adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri berdasarkan peruntukan seksyen 10 Akta 171.

### PELANTIKAN SETIAUSAHA PBT

Pelantikan Setiausaha PBT di Semenanjung Malaysia adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri berdasarkan tafsiran di bawah peruntukan seksyen 2 Akta 171. Setiausaha berfungsi sebagai Ketua Pegawai Tadbir dalam sesebuah PBT.

### PELANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI PBT YANG LAIN

Seksyen 16(4) Akta 171 memperuntukkan bahawa Datuk Bandar/YDP atau wakilnya yang terdiri daripada seorang Ahli Majlis, Setiausaha dan seorang lagi Ahli Majlis boleh melantik seseorang ke jawatan-jawatan dalam senarai jawatan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

## **KUASA MENGADAKAN PERATURAN TATATERTIB**

Seksyen 17 Akta 171 memperuntukkan bahawa PBT dengan kelulusan Kerajaan Negeri boleh mengadakan kaedah bagi mengawal tingkah laku pegawainya dan boleh menganekan apa-apa hukuman ke atas pegawai tersebut jika disabitkan kesalahannya.

## **KUMPULAN WANG BEKALTUA ATAU KUMPULAN WANG SIMPANAN**

Seksyen 18 Akta 171 memperuntukkan bahawa PBT dengan kelulusan Kerajaan Negeri boleh mengadakan kumpulan wang bekaltua atau kumpulan wang simpanan bagi tujuan bayaran/elaun untuk pegawainya yang meninggal dunia, diberhentikan kerana tua, meletakkan jawatan, bersara atau diberhentikan.

## **KUASA EKSEKUTIF PBT**

Kuasa Eksekutif PBT dilaksanakan menerusi Mesyuarat Penuh Majlis yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar/YDP dan anggotanya terdiri daripada Ahli Majlis PBT yang dilantik oleh Kerajaan Negeri. Mesyuarat Penuh Majlis mempunyai bidang kuasa untuk membuat keputusan-keputusan dasar serta mengesahkan keputusan-keputusan yang diputuskan oleh jawatankuasa-jawatankuasa tertentu yang ditubuhkan di PBT. Walau bagaimanapun Mesyuarat Penuh Majlis hanya perlu dimaklumkan keputusan Jawatankuasa OSC.

## **PELANTIKAN AHLI MAJLIS**

Seksyen 10(1) Akta 171 memperuntukkan bahawa PBT hendaklah terdiri daripada:

- (a) Datuk Bandar/YDP; dan
- (b) tidak kurang daripada 8 dan tidak lebih daripada 24 Ahli Majlis yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.

Seksyen 10(2) Akta 171 juga menetapkan kriteria pelantikan Ahli Majlis yang antaranya hendaklah bermaustautin dalam kawasan PBT

berkenaan, berpengalaman luas dalam hal-ehwal kerajaan tempatan, memperolehi kejayaan dalam sesuatu profesyen, perdagangan dan perindustrian atau mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan komuniti mereka dalam kawasan PBT. Tempoh jawatan seseorang Ahli Majlis adalah tidak melebihi 3 tahun dan boleh dilantik semula selepas tamat tempoh tersebut.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya, setiap Ahli Majlis boleh dibayar gaji atau elauan seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing seperti yang dinyatakan dalam seksyen 10(9) Akta 171.

Ahli Majlis akan hilang kelayakan apabila:

- (i) meletak jawatan;
- (ii) dibatalkan oleh Kerajaan Negeri; dan
- (iii) telah disabitkan kesalahan di bawah seksyen 34 Akta 171.

## PERANAN DAN FUNGSI AHLI MAJLIS

- (i) Menggubal dan menguatkuaskan dasar, undang-undang dan garis panduan;
- (ii) Ahli kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan oleh PBT bagi mempertimbangkan sesuatu permohonan seperti Jawatankuasa OSC dan Jawatankuasa Pelesenan;
- (iii) Memberi nasihat kepada PBT berdasarkan profesyen, pengalaman dan kepakaran masing-masing khususnya yang berkaitan dengan usaha-usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan PBT;
- (iv) Mewakili penduduk di kawasan masing-masing serta mendapatkan maklum balas penduduk berhubung perkhidmatan PBT dan menyampaikan isu dan masalah yang dihadapi oleh penduduk kepada PBT;
- (v) Menyampaikan maklumat berhubung dasar, undang-undang, garis panduan dan aktiviti-aktiviti PBT kepada penduduk; dan
- (vi) Menggalakkan penyertaan penduduk dalam setiap aktiviti yang dianjurkan oleh PBT.

## **PEJABAT PBT**

Seksyen 19 Akta 171 memperuntukkan PBT hendaklah menyediakan pejabat dalam kawasannya untuk tujuan urusannya.

## **MESYUARAT BIASA PBT**

Seksyen 20 Akta 171 memperuntukkan PBT hendaklah mengadakan Mesyuarat biasa sekurang – kurangnya sebulan sekali.

## **MESYUARAT KHAS PBT**

Seksyen 21 Akta 171 memperuntukkan Datuk Bandar/YDP atas permintaan secara bertulis daripada tidak kurang 1/3 Ahli Majlis boleh memanggil mesyuarat khas dalam tempoh 14 hari dari tarikh permintaan bertulis. Notis mengenai tujuan mesyuarat perlu dikeluarkan dan mesyuarat tidak boleh membincangkan lain-lain perkara selain daripada yang dinyatakan dalam notis.

## **NOTIS MESYUARAT**

Seksyen 22 Akta 171 memperuntukkan notis mesyuarat hendaklah diserahkan kepada Ahli Majlis tidak kurang daripada 24 jam sebelum mesyuarat.

## **MESYUARAT PBT TERBUKA KEPADA ORANG AWAM**

Seksyen 23 Akta 171 memperuntukkan semua mesyuarat PBT kecuali mesyuarat jawatankuasa hendaklah terbuka kepada orang ramai dan wakil akhbar. Walau bagaimanapun, jika jawatankuasa bersetuju, orang ramai dan wakil akhbar boleh dibenarkan untuk menghadiri mesyuarat jawatankuasa.

## **KUORUM**

Seksyen 24(1) Akta 171 memperuntukkan kuorum mesyuarat khas adalah setengah daripada bilangan penuh Ahli Majlis dan tidak termasuk mana-mana kerusi kosong. Seksyen 24(2) Akta 171 memperuntukkan bahawa kuorum mesyuarat biasa adalah 1/3

daripada bilangan penuh Ahli Majlis tidak termasuk mana-mana kerusi kosong.

## PENGERUSI MESYUARAT

Seksyen 25 Akta 171 memperuntukkan jika Datuk Bandar/YDP tidak hadir maka pengerusi adalah Timbalan Datuk Bandar/YDP. Jika kedua-dua tidak hadir maka Ahli Majlis perlu melantik seorang di kalangan mereka untuk menjadi pengerusi mesyuarat.

## UNDI PEMUTUS

Seksyen 26 Akta 171 memperuntukkan semua perkara yang dibawa dalam mesyuarat PBT hendaklah diputuskan melalui undi lebih suara Anggota Majlis yang hadir. Sekiranya undi adalah sama banyak, Pengerusi berhak memberi undi kedua dan atau undi pemutus.

## PENUBUHAN JAWATANKUASA DI PBT

Seksyen 28 Akta 171 memperuntukkan PBT dari semasa ke semasa boleh menubuhkan jawatankuasa sama ada dari jenis am ataupun khas yang terdiri daripada seorang pengerusi dan suatu bilangan Ahli Majlis dan beberapa orang lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh PBT.

## PERATURAN TETAP BAGI MENGAWAL PERJALANAN PBT

Seksyen 29 Akta 171 memperuntukkan PBT boleh mengadakan perintah-perintah tetap untuk mengawal selia perjalannya dan mana-mana Jawatankuasanya.

## KUASA LUAR BIASA PBT DALAM KEADAAN KECEMASAN

Seksyen 30 Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada Datuk Bandar/YDP bagi mengarahkan apa-apa kerja dilaksanakan segera untuk keselamatan nyawa atau harta (seperti banjir, kebakaran dan

lain-lain) dan boleh mengarahkan perbelanjaan ditanggung oleh Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan.

## **SAHNYA PERBUATAN PEGAWAI PBT**

Seksyen 31(1) Akta 171 memperuntukkan mana-mana perbuatan PBT atau mana-mana orang yang bertindak sebagai Datuk Bandar/YDP, Ahli Majlis, Setiausaha atau lain-lain pegawai adalah sah walaupun didapati ada kecacatan dalam pelantikannya ataupun ia telah hilang kelayakan. Seksyen 31(2) Akta 171 memperuntukkan tindakan PBT masih sah meskipun bilangan Ahli Majlis PBT kurang daripada bilangan yang ditetapkan.

## **PENYEMPURNAAN DOKUMEN**

Seksyen 32 Akta 171 memperuntukkan bahawa setiap notis, perintah, waran, lesen, resit atau lain-lain dokumen adalah sah jika ditandatangani oleh Datuk Bandar/YDP, Setiausaha atau lain-lain pegawai yang diberi kuasa oleh Datuk Bandar/YDP atau di bawah mana-mana perintah tetap atau UUK PBT.

## **AHLI MAJLIS TIDAK BOLEH MENGUNDI KERANA MEMPUNYAI KEPENTINGAN KONTRAK**

Seksyen 34(1) Akta 171 memperuntukkan Ahli Majlis yang menganggotai sesuatu jawatankuasa, sekiranya beliau mempunyai kepentingan kerja atau perolehan, hendaklah mengisyiharkannya dan keluar daripada mesyuarat jawatankuasa semasa pengundian dibuat.

## **KONTRAK**

Seksyen 36(1) Akta 171 memperuntukkan PBT boleh membuat kontrak bagi menyempurnakan kerjanya dengan syarat kontrak tersebut tidak melebihi bajet yang diperuntukkan pada tahun tersebut melainkan ia melibatkan tambahan peruntukan di bawah Seksyen 56 Akta 171.

## **PELAKSANAAN KONSEP PEGAWAI KHAS (*AREA OFFICER*)**

Bagi meningkatkan tadbir urus di PBT, KPKT telah mengeluarkan Pekeliling Bil.(38) KPCT(02)799/6Klt.4 yang bertarikh 21 Ogos 2000 – Garis Panduan Pelaksanaan Konsep Pegawai Khas (*Area Officer*). Tugas utama *Area Officer* adalah memantau dan melapor kepada jabatan/agensi yang berkaitan mengenai perkara-perkara seperti berikut:

- (i) aspek-aspek kebersihan kawasan;
- (ii) keadaan infrastruktur dan kemudahan awam di sesuatu kawasan dan penjagaannya;
- (iii) pergerakan, kegiatan dan petempatan pendatang asing;
- (iv) kewujudan dan kegiatan setinggan tempatan; dan
- (v) aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh jabatan/ agensi.

Kategori pegawai dan kakitangan yang terlibat sebagai *Area Officer* tertakluk kepada PBT masing-masing dan ini termasuklah Ahli Majlis yang dilantik mengikut zon.

## **LAWATAN PBT KE LUAR NEGARA**

KPKT telah mengeluarkan Pekeliling Bil.(13) KPCT(02)555/8 Klt.4 bertarikh 13 Februari 1993, Garis Panduan Untuk Diguna pakai Oleh Kerajaan Negeri Bagi Menimbang dan Meluluskan Lawatan Keluar Negeri. Garis panduan tersebut adalah sebagai panduan kepada Kerajaan Negeri dalam mempertimbangkan permohonan PBT untuk mengadakan lawatan ke luar negeri. Antara kandungan garis panduan tersebut ialah lawatan hendaklah bertujuan untuk membantu mempertingkatkan prestasi PBT, mendapat kelulusan Kerajaan Negeri, cadangan perbelanjaan untuk lawatan ke luar negeri dimasukkan dalam Anggaran Belanjawan Tahunan PBT, lawatan sekali dalam tempoh 3 tahun serta hanya Ahli Majlis yang telah berkhidmat selama 3 tahun dan kakitangan yang berkaitan sahaja boleh menyertai lawatan. Bidang-bidang yang boleh dipelajari ialah

seperti perancangan bandar, pengendalian projek pembangunan, perbandingan sistem pengurusan dan projek perumahan.

## BANDAR BERKEMBAR

Kerajaan menerusi Mesyuarat Jemaah Menteri 22 Julai 1992 telah memutuskan supaya tidak diadakan lagi program bandar berkembar antara bandar-bandar di Malaysia dengan bandar-bandar di negara lain. Keputusan ini telah dimaklumkan kepada semua Kerajaan Negeri melalui Pekeliling Bil.(24) KPkt(02)880/3 Klt.2 – Pengisytiharan Bandaraya Berkembar bertarikh 27 Mei 1998.

Jabatan Kerajaan Tempatan juga telah sekali lagi membuat edaran surat pemakluman mengenai Kerjasama antara Pihak Berkuasa Tempatan dengan Negara Luar kepada semua Kerajaan Negeri melalui surat No. Rujukan JKT.D.100-1/3/2 Jld. 7 (25) bertarikh 28 Jun 2016 yang memaklumkan keputusan Kerajaan tersebut.

**KUASA DAN  
PENGUATKUASAAN  
PBT**



## (C) KUASA DAN PENGUATKUASAAN PBT

### KUASA PBT UNTUK MEMBUAT UNDANG-UNDANG KECIL (UUK) DI BAWAH AKTA 171

Seksyen 73 dan 102 Akta 171 memperuntukkan bahawa PBT boleh membuat, meminda atau membatalkan UUK dan ianya perlu diluluskan oleh Kerajaan Negeri serta disiarkan dalam warta seperti yang dinyatakan dalam

Seksyen 103. Seksyen 106 Akta 171 memperuntukkan bahawa penyiaran dalam warta apa-apa undang-undang kecil, kaedah atau peraturan adalah menjadi notis yang mencukupi.

Bagi tujuan keseragaman, MNKT telah meluluskan beberapa UUK seperti berikut:

#### **MNKT KE-32 (16 OKTOBER 1987)**

- (i) UUK Tred, Perniagaan dan Perindustrian;
- (ii) UUK Krematorium;
- (iii) UUK Pasar;
- (iv) UUK Penjaja;
- (v) UUK Kedai Gunting Rambut & Pendandan Rambut;
- (vi) UUK Kolam Renang;
- (vii) UUK Taman;
- (viii) UUK Perlesenan Tempat Letak Kereta Persendirian;
- (ix) UUK Mengkompaun Kesalahan;
- (x) UUK Pelesenan Anjing;
- (xi) UUK Pengendalian Makanan;
- (xii) UUK Rumah Urut ( dibatalkan oleh penggubalan UUK Spa);
- (xiii) UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap;
- (xiv) UUK Tandas Awam; dan
- (xv) UUK Establisymen Makanan.

### **MNKT KE-35 (30 SEPTEMBER 1990)**

- (i) UUK Iklan;
- (ii) UUK Kecil Kerja Tanah;
- (iii) UUK Vandalisme; dan
- (iv) UUK Iklan Pilihanraya.

### **MNKT KE-55 (25 SEPTEMBER 2006)**

UUK Taman (Pindaan).

### **MNKT KE-68 (18 SEPTEMBER 2014)**

UUK Spa – bertujuan mengawal Industri SPA di kawasan PBT

### **MNKT KE-78 (13 JULAI 2021)**

Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 (Pindaan 2021) – bertujuan memastikan undang-undang yang diguna pakai adalah sentiasa relevan, terkini dan memenuhi kehendakkehendak semasa di samping membantu menggalakkan pertumbuhan industri serta meningkatkan kualiti pembinaan negara

## **PENALTI KERANA MELANGGAR UNDANG-UNDANG KECIL**

Seksyen 104 Akta 171 memperuntukkan PBT boleh menggubal undang-undang kecil, kaedah atau peraturan dan menetapkan denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan yang berterusan walaupun selepas sabitan di mahkamah, PBT boleh mengenakan denda tidak melebihi RM200 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan. Hasil kutipan denda di bawah seksyen ini akan dimasukkan ke dalam hasil Persekutuan.

## **KOMPAUN**

Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan yang dipersetujui di dalam MNKT Ke-32 memperuntukkan bahawa PBT boleh mengenakan kompaun tidak melebihi RM1,000 bagi kesalahan di bawah Akta 171 dan tidak melebihi RM500 bagi mana-mana

kesalahan di bawah undang-undang kecil berkenaan yang digubal olehnya. Secara khusus, PBT boleh mengenakan kompaun bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 69, 70 ,74, 75, 76, 78, 82(5), 107, 109, 140(2)(a), 160 dan 161 Akta 171 dan mana-mana kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibuat oleh PBT. Kutipan kompaun yang diterima akan dimasukkan ke dalam hasil PBT.

## PENALTI AM

Seksyen 119 Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk mengenakan penalti tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan yang tidak mempunyai peruntukan penalti.

Seksyen 127 Akta 133 memperuntukkan mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta 133 atau mana-mana undang-undang kecil di bawahnya yang mana penalti tidak diperuntukkan dengan nyata, apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 dan denda tambahan tidak melebihi RM500 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan.

## KUASA PBT UNTUK MENGENAKAN CAJ, BAYARAN DAN FI

Seksyen 102A Akta 171 memperuntukkan PBT boleh mengenakan apa-apa bayaran dan caj di bawah undang-undang kecil, kaedah dan peraturan. Contohnya adalah seperti berikut:

- (i) bayaran lesen premis perniagaan di bawah Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian;
- (ii) bayaran lesen papan iklan, billboard dan lain-lain papan iklan di bawah Undang-Undang Kecil Iklan; dan
- (iii) bayaran lesen penjaja di bawah Undang-Undang Kecil Penjaja.

Kadar bayaran ditentukan berdasarkan jenis, lokasi dan saiz ruang lantai/saiz papan iklan bagi sesuatu aktiviti dan ia dinyatakan dalam jadual setiap UUK yang berkaitan.

Di bawah Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984, PBT juga boleh mengenakan fi bagi menimbangkan permohonan pelan dan permit. Kadar fi ditentukan berdasarkan jumlah tingkat sesebuah bangunan, saiz ruang lantai dan jenis perubahan/tambahan kepada sesebuah bangunan.

Selain itu, di bawah Seksyen 58(2) Akta 172, PBT juga boleh mengadakan kaedah yang turut melibatkan bayaran-bayaran yang hendak dibayar di bawah Akta 171 termasuk fi untuk kebenaran merancang dan kadarnya ditentukan berdasarkan jenis dan saiz sesuatu pemajuan.

## **KUASA PBT KE ATAS MASALAH KACAU GANGGU**

Seksyen 80 Akta 171 memperuntukkan PBT hendaklah mengambil langkah-langkah bagi menghapuskan kacau ganggu sama ada di premis awam atau premis persendirian dan PBT boleh mengambil tindakan undang-undang serta mendapatkan ganti rugi.

Seksyen 81 Akta 171 memperuntukkan kacau ganggu yang boleh diambil tindakan adalah yang berkaitan dengan premis dan binaan, binatang, letakan yang boleh menjadi pembiakan nyamuk, kilang, bengkel, pondok atau syed, bangsal, longkang, tangki, telaga, lombong, *effluvia* daripada sebarang aktiviti perniagaan dan lain-lain aktiviti yang diisyihar oleh Kerajaan Negeri sebagai kacau ganggu.

Seksyen 82(10) Akta 171 memperuntukkan seseorang yang tidak mematuhi peruntukan kacau ganggu adalah melakukan kesalahan dan jika disabitkan kesalahannya boleh didenda tidak melebihi RM100 bagi setiap satu hari selama tempoh perintah kacau ganggu itu tidak dipatuhi.

## **KUASA PBT KE ATAS MASALAH KACAU GANGGU YANG BERLAKU DI LUAR KAWASAN PBT**

Seksyen 84 Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk menghapuskan kacau ganggu yang berada di luar kawasannya

seolah-olah ianya berlaku dalam kawasannya sendiri. Contoh, pembuangan sampah yang menyebabkan bau dan gangguan kepada orang awam.

## KUASA PBT KE ATAS PREMIS HARAM

Jika berlakunya pelanggaran Seksyen 70 Akta 133, iaitu premis yang dibina tanpa kelulusan sama ada baru ataupun pengubahsuaian dan menggunakan selain daripada maksud asal ianya dibina, PBT boleh mengambil tindakan penguatkuasaan seperti berikut:

- (i) Seksyen 72(1) – menyampaikan notis kepada pemilik supaya:
  - (a) tidak memulakan pendirian bangunan atau menghentikan;
  - (b) meruntuhkannya mengikut masa yang dinyatakan oleh PBT; dan
  - (c) mengambil langkah-langkah yang diarahkan oleh PBT.
- (ii) Seksyen 72(4) – memperuntukkan bahawa jika pemilik tidak mematuhi notis tersebut, pemilik boleh didenda tidak melebihi RM250 bagi setiap hari kesalahan selepas tamat tempoh notis.
- (iii) Seksyen 72(5) – memperuntukkan bahawa jika pemilik tidak mematuhi notis, PBT boleh melakukan apa-apa perkara yang dikehendaki oleh notis.
- (iv) Seksyen 72(6) – memperuntukkan bahawa PBT boleh meroboh dengan memberi 30 hari notis kepada pemilik untuk mengosongkan premis tersebut dan selepas tempoh tersebut, PBT boleh memasuki premis dan memindahkan sesiapa jua dan harta alih.

## KUASA PBT KE ATAS PEMAJUAN TANPA KEBENARAN MERANCANG

Seksyen 5(1) Akta 172 memperuntukkan PBT adalah pihak berkuasa perancang tempatan.

Seksyen 19(1) Akta 172 pula memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh menjalankan pemajuan melainkan telah diberi kebenaran

merancang di bawah seksyen 22 Akta 172 atau dilanjutkan di bawah seksyen 24(3) Akta 172.

Kebenaran merancang adalah kebenaran yang diberi, dengan atau tanpa syarat untuk menjalankan pemajuan.

Seksyen 26 dan 27 Akta 172 memberikan kuasa kepada PBT untuk mengambil tindakan penguatkuasaan bagi sebarang pemajuan yang dijalankan tanpa kebenaran merancang.

## **KUASA PBT KE ATAS PEMAJUAN YANG BERLAWANAN DENGAN KEBENARAN MERANCANG**

Seksyen 20 Akta 172 memperuntukkan seseorang itu tidak boleh memulakan, mengusahakan atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan sebagaimana yang diluluskan di dalam kebenaran merancang di bawah seksyen 22 Akta yang sama disamping syarat-syarat lain yang mungkin dikenakan dalam kebenaran merancang tersebut.

Seksyen 28 memberikan kuasa kepada PBT untuk mengambil tindakan penguatkuasaan sekiranya terdapat pelanggaran peruntukan seksyen 20 Akta 172.

## **KUASA PBT KE ATAS MASALAH VANDALISME**

Di bawah Undang-Undang Kecil Vandalisme yang dipersetujui di dalam MNKT Ke-35, pesalah vandalisme boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya sekali dan kesalahan seterusnya dikenakan denda tidak melebihi RM200 setiap hari bagi tempoh kesalahan diteruskan selepas sabitan, atau boleh dikompaun tidak melebihi RM250 oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis.

Walau bagaimanapun, Undang-Undang Kecil Vandalisme yang diguna pakai sekarang hanya meliputi harta benda milik PBT sahaja.

Kesalahan merosakkan harta benda orang lain boleh dikenakan tindakan seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 (Akta 336) dan Kanun Keseksaan (Akta 574).

## **KUASA PBT KE ATAS AKTIVITI PERNIAGAAN DI KAKI LIMA/ BAHU JALAN**

### **(i) AKTA 133**

Perenggan 46(1)(d) Akta 133 memperuntukkan bahawa seseorang yang meletakkan sebarang benda atau barang bagi tujuan tred di mana-mana tempat-tempat awam adalah bersalah kerana menyebabkan suatu halangan dan boleh ditangkap tanpa waran oleh pegawai polis atau mana-mana pegawai dan pekerja PBT dan boleh dihadapkan ke Mahkamah Majistret dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500 dan sabitan kedua atau seterusnya boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1,000.

### **(ii) UNDANG-UNDANG KECIL (UUK) PENJAJA**

Seseorang penjaja tidak dibenarkan berjaja di atas tangga, kaki lima ataupun tempat lapangan awam yang berturap melainkan dengan kebenaran PBT. Sesiapa yang telah diberi lesen bertindak berlawanan dengan peruntukan UUK Penjaja boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1,000.

### **(iii) PENGECAULIAN**

Walau bagaimanapun, terdapat PBT yang memberikan pengecualian dengan membenarkan perniagaan di kaki lima tetapi dikawal melalui syarat-syarat tambahan agar ia tidak menimbulkan masalah kacau ganggu. Kebenaran tersebut adalah bersifat sementara bagi menggalakkan aktiviti perniagaan khususnya di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan awam dan pelancong. PBT yang melaksanakan kaedah ini akan menekankan aspek pemantauan dan penguatkuasaan bagi mengurangkan risiko kacau ganggu.

## **KUASA PBT KE ATAS TEMPAT KEDIAMAN YANG TIDAK BERSIH**

Seksyen 77 Akta 171 memperuntukkan sekiranya PBT berpendapat sesebuah bangunan tidak layak untuk diduduki atas sebab-sebab kebersihan maka ia boleh menyampaikan notis bertulis kepada pemilik untuk menghapus, mengubah atau meruntuhkan dan menjalankan apa-apa perubahan bagi menjadikan ia layak untuk diduduki. Notis tersebut hendaklah menyatakan bahawa kerja-kerja berkenaan disiapkan dalam tempoh tidak kurang daripada 7 hari.

## **KUASA PBT KE ATAS RUMAH YANG SESAK**

Seksyen 78 Akta 171 memperuntukkan bahawa seseorang yang membenarkan sesebuah rumah diidami dengan penuh sesak sehingga boleh mendatangkan bencana dan bahaya kepada kesihatan boleh didenda tidak lebih daripada RM2000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya dan didenda tambahan tidak melebihi RM100 bagi setiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Seksyen 79 Akta 171 mentafsirkan rumah yang sesak adalah rumah atau mana-mana bilik yang diduduki lebih daripada had seorang dewasa bagi setiap 350 kaki padu. Setiap orang yang berumur melebihi 10 tahun adalah dewasa dan 2 kanak-kanak berusia tidak melebihi 10 tahun dikira sebagai seorang dewasa.

## **KUASA PBT UNTUK MENGOMPAUN KESALAHAN TRAFIK**

Seksyen 3(4B), Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2019 [Akta A1585] telah memperuntukkan bahawa Datuk Bandar kepada sesuatu Majlis Bandaraya, Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Pengurus Majlis Perbandaran boleh melantik sejumlah orang di dalam perkhidmatan PBT masing-masing mengikut keperluan sebagai warden lalu lintas untuk menjalankan kuasa yang diberikan dan melaksanakan tugas yang dinyatakan di bawah Akta Pengangkutan

Jalan 1987 [Akta 333]. Kuasa ini hendaklah dimohon oleh PBT berkenaan kepada Menteri Pengangkutan.

Di bawah seksyen 120 Akta 333, kuasa untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan boleh dibuat dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya kepada pegawai-pegawai seperti Ketua Pegawai Polis, Pesuruhjaya Polis, Pegawai Polis (yang diberi kuasa), Ketua Pengarah JPJ, Pengarah atau Pegawai Pengangkutan Jalan (yang diberi kuasa), Datuk Bandar kepada sesuatu Majlis Bandaraya, Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Pengerusi Majlis Perbandaran yang khusus diberi kuasa secara bertulis dengan nama atau jawatan bagi maksud itu oleh Datuk Bandar kepada sesuatu Majlis Bandaraya, Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Pengerusi Majlis Perbandaran masing-masingnya; Ketua Pengarah Lembaga Lebuh Raya Malaysia dan Pegawai PBT (yang diberi kuasa).

Manakala kesalahan-kesalahan lalu lintas yang boleh dikompaun oleh pegawai atau pihak berkuasa di atas, dinyatakan di bawah peruntukan Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Pengkompaunan Kesalahan) 2003 kecuali Perbadanan Putrajaya. Bagi tujuan melaksanakan kadar kompaun baru ini, PBT bertaraf Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran yang diberi kuasa oleh Menteri Pengangkutan di bawah seksyen 3A, Akta 333, juga perlu menyediakan kaedah pengkompaunan masing-masing.

Kadar kompaun kesalahan lalu lintas ini dibentuk berdasarkan kepada enam (6) prinsip, iaitu:

- (i) kadar permulaan yang *affordable*;
- (ii) tiada elemen diskau;
- (iii) kadar tetap;
- (iv) tidak melebihi RM300 bagi setiap kesalahan;
- (v) kadar berganda berganda bagi *habitual offender*; dan
- (vi) konsep ‘*The more you delay, the more you pay*’.

## **KUASA PBT KE ATAS TEMPAT-TEMPAT AWAM**

Seksyen 63 Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk mengawal dan menjaga tempat-tempat awam.

Seksyen 64 Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT mengadakan tempat awam yang baru dan membesarkannya.

Seksyen 65 Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk menutup tempat awam.

Seksyen 66 Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk membina dan menyenggara bangunan di tempat awam untuk kegunaan awam.

Seksyen 68 Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk menamakan tempat awam/taman perumahan tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Negeri.

## **KUASA PBT KE ATAS PENCEMARAN ANAK SUNGAI**

Seksyen 69 Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk mengenakan denda tidak lebih RM2,000 atau penjara tidak lebih 1 tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan tidak melebihi RM500 setiap hari kesalahan diteruskan selepas disabitkan kesalahan kepada sesiapa yang melakukan kacau ganggu dan kekotoran ke atas tebing mana-mana anak sungai, saliran, parit awam atau lain-lain alur dalam kawasan PBT.

Seksyen 70 Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk mengenakan denda tidak lebih RM5,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan tidak melebihi RM500 setiap hari kesalahan diteruskan selepas disabitkan kesalahan kepada sesiapa yang meletakkan atau mengakibatkan pencemaran anak sungai dengan sampah perdagangan di dalam atau di luar sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan.

## **KUASA PBT UNTUK MEMASUKI DAN MENCUCI RUMAH ATAU BANGUNAN**

Seksyen 75 Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada pegawai kesihatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis untuk memasuki dan memeriksa sesebuah rumah dan bangunan dan mengarahkan secara bertulis penduduk untuk membersihkan rumah dan bangunan tersebut dalam tempoh tertentu. Jika perintah tidak dipatuhi maka denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya dan didenda tambahan tidak melebihi RM100 setiap hari kesalahan diteruskan selepas sabitan.

## **KUASA PBT UNTUK MEMUSNAHKAN TIKUS**

Seksyen 76 Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk mengarahkan pemilik premis supaya menghapuskan tikus, burung dan lain-lain vermin dan tempat pembiakannya jika hidupan itu boleh menjaskam kesihatan awam. Jika pemilik premis tidak mematuhi notis dalam tempoh 7 hari maka ia boleh didenda tidak lebih RM1,000 atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya dan didenda tambahan tidak lebih RM100 setiap hari kesalahan diteruskan selepas disabitkan kesalahan. PBT juga boleh mengambil milik premis itu dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

## **KUASA PBT UNTUK MERUNTUHKAN RUMAH YANG TIDAK LAYAK UNTUK KEDIAMAN**

Seksyen 83 Akta 171 memperuntukkan bahawa jika suatu perintah penutupan telah dibuat ke atas sebuah rumah dan PBT berpandangan ia masih menimbulkan bahaya atau bencana kesihatan kepada orang awam maka PBT boleh membuat aduan kepada Mahkamah Majistret dan mahkamah tersebut boleh mengarahkan pemilik untuk meruntuhkan rumah tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan. Jika tidak dipatuhi maka pemilik boleh didenda tidak melebihi RM100 setiap hari selama tempoh perintah tidak dipatuhi. Jika pemilik masih tidak mematuhi, maka PBT boleh meruntuhkan rumah berkenaan dan menuntut kos daripada pemilik.

## **KUASA PBT DALAM PENDAKWAAN**

Seksyen 120 Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk mengadakan pendakwaan bagi sebarang kesalahan di bawah akta atau undang-undang kecil/kaedah/peraturan.

## **KUASA PBT UNTUK MENANGKAP**

Seksyen 121 Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada pegawai PBT yang diberi kuasa secara bertulis oleh PBT atau pegawai polis untuk menangkap seseorang tanpa waran bagi kesalahan-kesalahan di bawah akta atau undang-undang kecil/kaedah/peraturan jika orang tersebut gagal memberikan nama dan alamat yang tepat dan perlu dibawa ke Mahkamah Majistret dalam tempoh 24 jam.

## **KUASA PBT UNTUK MENGADAKAN TANAH PERKUBURAN / KREMATORIUM**

Seksyen 94 Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk mengadakan tanah perkuburan/krematorium di dalam dan di luar kawasannya, mengadakan peruntukan untuk menyelenggaranya serta mengeluarkan lesen baginya.

Seksyen 95 Akta 171 memperuntukan penalti tidak lebih RM1000 atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya ke atas pihak yang menjalankan aktiviti kebumi sesuatu mayat di kawasan yang bukan tanah perkuburan/krematorium ataupun yang tidak dilesenkan.

Seksyen 96 Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk menutup sesuatu tanah perkuburan/krematorium jika ia menjelaskan kesihatan, mendatangkan kemudaratan, tidak sesuai sebagai tanah perkuburan/krematorium atau telah melanggar syarat-syarat lesen.

PBT juga mempunyai Undang-Undang Kecil Krematorium yang diwujudkan di bawah seksyen 98 Akta 171 bagi tujuan mengawal aktiviti krematorium.

Selain itu, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) juga telah menyediakan Garis Panduan Perancangan Tanah Perkuburan Islam dan Bukan Islam yang turut meliputi pembinaan krematorium seperti berikut:

- (i) krematorium jenis tradisional memerlukan kawasan seluas 0.6 hektar dan sesuai untuk kawasan luar bandar dan separa wilayah. Peletakan dalam kawasan bandar hendaklah diletakkan jauh daripada pembangunan sedia ada dan akan datang; dan
- (ii) krematorium gas moden memerlukan kawasan seluas 0.6 hektar (1.5 ekar) termasuk kawasan landskap.

## KUASA PBT UNTUK MENAMAKAN JALAN

Seksyen 29 Akta 133 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk menama/mengubah nama jalan tertakluk kepada kelulusan PBN. Panduan utama yang digunakan oleh Kerajaan Negeri dan PBT bagi tujuan penamaan jalan ialah Garis Panduan Penentuan Nama Geografi yang telah disediakan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia. Garis Panduan tersebut mempunyai 21 prinsip yang antara lainnya menekankan bahawa amalan menamakan tempat mestilah menggunakan bentuk, ejaan dan gaya Bahasa Malaysia yang memenuhi Garis Panduan Menamai Syarikat, Bangunan, Kawasan Perumahan, Taman Awam dan Jalan yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

## KUASA PBT UNTUK MEMASUKI PREMIS

Seksyen 110 Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk memasuki mana-mana premis bagi tujuan memeriksa, menyiasat atau menjalankan kerja yang diarahkan kepadanya.

## TINDAKAN KE ATAS MEREKA YANG MENGHALANG TUGAS PBT

Di bawah seksyen 112 Akta 171, seseorang yang menghalang, mengganggu dan menyerang Datuk Bandar KL, Datuk Bandar/YDP, Ahli Majlis, pegawai atau pekerja PBT dalam menjalankan tugasnya

boleh didenda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.

## **KUASA PBT UNTUK MENJALANKAN AKTIVITI PENGUATKUASAAAN BAGI HAL-HAL KESIHATAN**

### **(i) AKTA MAKANAN 1983 (AKTA 281)**

Seksyen 4 (1) memperuntukkan kuasa:

- (a) memasuki premis untuk tujuan pemeriksaan dan persampelan makanan;
- (b) menggeledah atau menahan kapal atau kenderaan bagi tujuan pemeriksaan dan persampelan;
- (c) membuka dan memeriksa apa-apa bungkusan yang mengandungi makanan;
- (d) memeriksa buku atau apa-apa maklumat, dokumen yang relevan dengan penguatkasaan akta;
- (e) meminta kad pengenalan pendaftaran perniagaan dan sebagainya yang relevan;
- (f) menyita dan menahan untuk seberapa lama yang perlu untuk makanan yang melanggar Akta; dan
- (g) menanda, menyukat makanan atau perkakas yang mana melanggar Akta 281.

Seksyen 5 adalah berkenaan kuasa mengambil sampel.

Seksyen 6 adalah berkenaan prosedur pengambilan sampel makanan.

Seksyen 8 memperuntukkan kuasa mendapatkan maklumat, rekod dan sebagainya.

### **(ii) PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004 (P.U.(A) 324/2804)**

Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (PPKHT) adalah di bawah Akta 281. Peraturan 11 PPKHT, memperuntukkan mengenai penguatkuasaan oleh PBT di tempat larangan merokok.

**(iii) AKTA PEMUSNAHAN SERANGGA PEMBAWA PENYAKIT 1975 (AKTA 154)**

Seksyen 5 memperuntukkan kuasa untuk memasuki dan memeriksa premis dan sebagainya.

Seksyen 6 memperuntukkan kuasa untuk mengambil apa-apa barang yang telah digunakan dalam melakukan kesalahan.

Seksyen 7 memperuntukkan kuasa untuk membekalkan maklumat.

Seksyen 8 memperuntukkan kuasa am untuk mengarah atau mengambil langkah supaya serangga-serangga pembawa penyakit dibinasakan dan sebagainya.

Seksyen 9 memperuntukkan kuasa untuk menghendaki bantuan daripada penduduk/pemunya.

Seksyen 10A memperuntukkan kuasa untuk menghendaki maklumat dan memeriksa orang.

Seksyen 24 memperuntukkan kuasa untuk mendapatkan bantuan polis sekiranya diperlukan bagi memasuki sesuatu premis.

Seksyen 25 memperuntukkan kuasa untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan di bawah Akta 154 atau mana-mana peraturan di bawahnya.

**KUASA-KUASA TAMBAHAN PBT DI BAWAH AKTA 171**

Seksyen 101 Akta 171 memperuntukkan pelbagai kuasa tambahan kepada PBT yang antaranya adalah:

- (i) menanam, memangkas dan membuang pokok;
- (ii) membina dan menyenggara taman awam/taman permainan kanak-kanak/tempat terbuka/pusat masyarakat;
- (iii) menjalankan sebarang kerja untuk faedah penduduk;

- (iv) membina dan menyenggara serta menerima pemberian wang untuk perpustakaan/ balai seni lukis/ muzium awam/ taman bunga/ taman binatang/ akuarium;
- (v) menjual, memajak dan melupuskan harta alih dan harta tak alih;
- (vi) melakukan segala perkara yang perlu untuk keselamatan, kesihatan dan kesenangan awam;
- (vii) mengadakan, memperolehi, menyenggara dan menjalankan perkhidmatan pengangkutan awam di dalam atau di luar kawasan PBT, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang berhubungan dengan lalu lintas jalan;
- (viii) memperolehi, memajukan dan menyenggara tanah bagi maksud estet perindustrian dan pelupusannya;
- (ix) mengiklan dan mempublisiti perkara-perkara yang menarik, kemudahan dan kelebihan yang ada dalam kawasan PBT dan dalam kawasan sekitarnya dan memberi sumbangan kepada dan menerima pemberian dan derma bagi maksud menggalakkan pelancongan;
- (x) menjalankan apa-apa kemajuan, sama ada olehnya sendiri atau dengan mana-mana lain PBT atau orang bagi apa-apa pengusahaan perumahan, perdagangan, perindustrian atau lain-lain pengusahaan yang ditentukan oleh PBT itu;

*dan lain-lain seperti yang dinyatakan dalam seksyen tersebut.*

## PENGUATKUASAAN KE ATAS IKLAN HARAM

Iklan haram merujuk kepada iklan tanpa lesen atau permit daripada PBT yang dipasang atau dilekatkan di kawasan PBT. Sebahagian besarnya terdiri daripada iklan dalam bentuk pelekat yang ditampal pada tempat-tempat awam seperti papan tanda jalan, pondok telefon, dinding bangunan dan tiang elektrik. Peruntukan undang-undang yang boleh dirujuk mengenai iklan adalah Undang-undang Kecil Iklan yang disediakan oleh PBT masing-masing.

JKT ada mengedarkan surat arahan kepada semua PBT dan Kerajaan Negeri pada 26 Mei 2009 [Ruj:KPKT(02)799/6Klt.8(28)] supaya PBT mengambil langkah-langkah mengumpul nombor-nombor telefon yang dipaparkan di poster/iklan haram dan mengemukakannya kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi tujuan pembatalan.

JKT sekali lagi telah mengedarkan surat arahan kepada semua PBT dan Kerajaan Negeri pada 12 Ogos 2009 [Ruj:KPKT(02)799/6Klt.8(45)] supaya PBT mengambil tindakan-tindakan berikut:

- (i) pihak PBT mengenal pasti kesahihan nombor-nombor telefon yang dipaparkan pada iklan-iklan haram tersebut serta menyerahkannya kepada pihak SKMM;
- (ii) pihak SKMM akan mengambil tindakan untuk membatalkan talian telefon tersebut serta membantu pihak PBT mengenal pasti pihak yang melakukan kesalahan tersebut dengan menyediakan nama, alamat serta lain-lain butiran;
- (iii) sebagai langkah seterusnya, pihak PBT bolehlah mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak yang telah dikenal pasti tersebut;
- (iv) langkah-langkah pembasmian dan penguatkuasaan pelekat iklan haram ini diumumkan dan dihebahkan kepada masyarakat sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan agar masyarakat faham dan memberi ingatan supaya mereka tidak terus berbuat demikian dan supaya masyarakat menyokong langkah yang diambil.

Bagi menambah baik proses pembatalan nombor telefon pada iklan haram, JKT dengan kerjasama pihak SKMM telah menyediakan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang akan diguna pakai secara seragam oleh semua PBT.

SOP telah dikemukakan kepada semua Kerajaan Negeri dan PBT pada 25 Ogos 2011 [Ruj:JKT.D.100-1/3/2Jld.3(27)]. SOP tersebut mula berkuatkuasa pada 1 Oktober 2011.

## **KUASA PBT MENAHAN PEMILIK RESTORAN YANG MELETAKKAN KERUSI DAN MEJA DI LUAR PREMIS**

Seksyen 46 (1)(d), Akta 133 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk menahan tanpa waran pemilik premis yang meletakkan barang atau benda yang digunakan untuk trednya di mana-mana tempat awam termasuklah restoran yang meletakkan kerusi dan meja di luar premis. Jika disabitkan kesalahan, mereka boleh didenda tidak melebihi RM500 dan bagi kesalahan berulang boleh didenda tidak melebihi RM1,000.

Di bawah undang-undang kecil penjaja PBT, penjaja tidak dibenarkan berniaga di atas tangga, kaki lima ataupun tempat awam yang berturap melainkan mendapat kebenaran daripada PBT. Jika disabitkan kesalahan, penjaja boleh didenda tidak melebihi RM1,000.

## **KUASA PBT BERKAITAN PELESENAN ANJING**

Seksyen 73 (1)(m), Akta 171 telah memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk mengadakan undang-undang kecil (UUK) pelesenan anjing untuk menyelia, melesen, menyita, memusnahkan dan melupuskan anjing liar dalam kawasan PBT. Di bawah UUK ini, semua anjing yang dipelihara hendaklah dilesenkan oleh PBT. Semua anjing yang tidak berlesen atau berlesen yang merayau tanpa tuan atau penyelia di tempat awam dalam kawasan PBT adalah ditakrifkan sebagai anjing terbiar yang boleh diambil tindakan oleh PBT.

Di bawah seksyen 80, Akta 171, PBT juga diperuntukkan kuasa untuk memberhentikan, memusnahkan dan menghapuskan segala kacau ganggu dari jenis awam dalam kawasan PBT.

Manakala, seksyen 81 (b), Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk mengambil tindakan secara terus ke atas anjing-anjing terbiar atau liar yang menjadi punca kacau ganggu kepada penduduk setempat.

## **KUASA PBT UNTUK PENGURUSAN KENDERAAN TERBIAR**

Seksyen 46 (1) (g) dan (3), Akta 133 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk mengalihkan kenderaan terbiar di kawasan seliaan PBT. Jika disabitkan kesalahan, pelaku boleh didenda tidak melebihi RM500 dan bagi kesalahan berulang boleh didenda tidak melebihi RM1,000.

Mesyuarat MNKT ke-75 pada 10 Januari 2020 telah bersetuju dengan cadangan Garis Panduan Pengurusan Kenderaan Terbiar di Kawasan Operasi Pihak Berkuasa Tempatan. Garis panduan ini diwujudkan untuk menyeragamkan pengurusan kenderaan terbiar di PBT dan membantu PBT untuk menguruskan kenderaan terbiar dengan lebih cepat dan berkesan.

## **KUASA PBT TERHADAP PEMBUANGAN SAMPAH MELALUI KENDERAAN**

Seksyen 47, Akta 133 memberikan kuasa kepada mana-mana pegawai polis atau mana-mana pegawai PBT untuk menangkap pemandu kenderaan yang didapati bersalah membuang sampah melalui kenderaan. Jika disabitkan kesalahan, pemandu boleh didenda tidak melebihi RM500 dan bagi kesalahan kali kedua boleh didenda tidak melebihi RM1,000.

**D** HASIL DAN PENGURUSAN  
KEWANGAN PBT

# **HASIL DAN PENGURUSAN KEWANGAN PBT**



## (D) HASIL DAN PENGURUSAN KEWANGAN PBT

### HASIL PBT

Hasil PBT terdiri daripada tiga (3) sumber utama seperti berikut:

(i) **Hasil Cukai**

Hasil cukai terdiri daripada cukai taksiran atau cukai pintu, iaitu cukai yang dikenakan ke atas pegangan-pegangan yang terdapat dalam kawasan PBT seperti premis kediaman, perniagaan dan kilang. Hasil cukai pada kebiasaaannya meliputi 70% daripada keseluruhan pendapatan PBT.

(ii) **Hasil Bukan Cukai**

Hasil bukan cukai terdiri daripada bayaran atau *fee* yang dikenakan di atas perkhidmatan yang disediakan oleh PBT, keuntungan, faedah, bunga ke atas wang yang dilaburkan, kompaun dan semua pendapatan daripada harta alih dan tak alih PBT.

(iii) **Terimaan Bukan Hasil**

Terimaan bukan hasil terdiri daripada pemberian, sumbangan dan dana peruntukan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau badan berkanun.

### KUMPULAN WANG PBT

Seksyen 40(1) Akta 171 memperuntukkan bahawa semua wang yang diterima oleh PBT di bawah Akta 171 atau lain-lain undang-undang bertulis hendaklah menjadi kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang PBT.

Seksyen 40(2) Akta 171 memperuntukkan bahawa Wang Kumpulan PBT itu hendaklah dimasukkan dalam akaun semasa atau akaun deposit dalam satu bank atau lebih yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [Akta 372].

Seksyen 40(3) Akta 171 memperuntukkan bahawa semua perintah atau cek terhadap Kumpulan Wang PBT itu hendaklah ditandatangani oleh 2 pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh PBT.

Seksyen 40(4) Akta 171 memperuntukkan bahawa Wang Kumpulan PBT itu boleh dilaburkan dalam mana-mana sekuriti pemegang amanah yang diberi kuasa melabur di dalamnya atau cara-cara lain yang dibenarkan oleh Menteri Kewangan.

## KUASA PBT UNTUK MENDAPATKAN PINJAMAN

Seksyen 41 Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk mendapatkan pinjaman tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Negeri untuk perbelanjaan mengambil tanah, mendirikan bangunan PBT, menjalankan suatu kerja tetap/memperbaharui loji/menggantikan kereta dan menjelaskan pinjaman-pinjaman sedia ada dengan syarat pinjaman tersebut tidak menjadikan hutang PBT berjumlah lebih daripada 5 kali nilai tahunan semasa PBT serta tempoh bayaran balik pinjaman tidak melebihi 60 tahun.

## CUKAI TAKSIRAN

Seksyen 127 Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk mengenakan kadar ke atas sesuatu pegangan sama ada secara berasingan atau disatukan tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Seksyen 130 Akta 171 memperuntukkan bahawa kadar cukai taksiran boleh dikenakan berdasarkan nilai tahunan pegangan (*tidak lebih 35%*) ataupun nilai tambah pegangan (*tidak lebih 5%*).

Seksyen 134 Akta 171 memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk mengecualikan cukai taksiran ke atas pegangan yang bukan untuk mendapatkan keuntungan seperti rumah ibadat, kubur, sekolah awam dan tempat awam yang digunakan bagi maksud khairat.

Seksyen 135 Akta 171 memperuntukkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh mengecualikan dan mengurangkan cukai taksiran ke atas

pegangan atau sesuatu bahagian daripadanya yang digunakan untuk rekreasi, sosial dan kebajikan yang bukan untuk mendapatkan keuntungan.

Seksyen 136 Akta 171 memperuntukkan bahawa jika kadar sesuatu pegangan adalah kurang daripada RM5 setahun, tiada kadar kena dibayar.

Seksyen 137(3) memperuntukkan bahawa kadar nilai baru hendaklah disediakan sekali dalam tempoh 5 tahun ataupun tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan oleh Kerajaan Negeri.

Seksyen 141 Akta 171 memperuntukkan bahawa notis mengenai kadar nilai baru hendaklah disiarkan melalui iklan dalam 2 akhbar tempatan dan sekurang-kurangnya satu daripadanya adalah dalam bahasa kebangsaan.

Seksyen 142 Akta 171 memperuntukkan bahawa sesiapa yang terkilan boleh membuat bantahan ke atas kadar nilai itu secara bertulis pada bila-bila masa tidak kurang daripada 14 hari sebelum masa yang ditetapkan untuk menyemak kadar nilai itu.

Seksyen 145 Akta 171 memperuntukkan bahawa seseorang yang telah membuat bantahan dan tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, boleh membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi dengan cara memfailkan usul permulaan.

Seksyen 147 Akta 171 memperuntukkan bahawa kadar perlu dibayar pada setiap akhir bulan Februari atau Ogos dan kegagalan untuk membayar boleh dituntut di bawah seksyen 148 yang disifatkan sebagai tunggakan.

Seksyen 148 Akta 171 memperuntukkan bahawa tunggakan boleh dituntut dengan mengeluarkan waran tahanan dan PBT boleh menyita mana-mana harta alih. Tiada waran tahanan boleh dikeluarkan melainkan jika PBT telah menyerahkan notis untuk membayar tunggakan itu dalam tempoh 15 hari selepas notis itu diserahkan.

## **PERBEZAAN KADAR CUKAI TAKSIRAN ANTARA PBT**

Faktor-faktor yang menyebabkan perbezaan cukai taksiran adalah seperti berikut:

- (i) Perbezaan nilai tahunan pegangan mengikut kawasan-kawasan tertentu yang disebabkan oleh beberapa faktor seperti saiz, lokasi, kedudukan strategik, zoning, keluasan, syarat nyata hak milik, kegunaan, usia dan masa;
- (ii) Seksyen 137(3) Akta 171 memperuntukkan supaya PBT mengkaji semula kadar nilai dalam tempoh 5 tahun ataupun tempoh yang dilanjutkan berdasarkan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri masing-masing. Oleh itu, tempoh kajian semula ini berbeza-beza antara PBT.
- (iii) Pengecualian dan pengurangan kadar bayaran cukai taksiran berdasarkan adalah berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 134 dan seksyen 135 Akta 171.

## **AKAUN DAN AUDIT PBT**

Seksyen 53 Akta 171 memperuntukkan bahawa PBT perlu menyediakan buku dan akaun yang mencatatkan semua transaksi. Ia terbuka setiap masa dan boleh diperiksa oleh Ahli Majlis atas keizinan Datuk Bandar/YDP.

Seksyen 55 Akta 171 memperuntukkan mengenai proses penyediaan dan kelulusan anggaran belanjawan oleh PBT dan Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya diwartakan.

Seksyen 56 Akta 171 memperuntukkan bahawa jika berlaku anggaran tambahan maka ia perlu mendapat kelulusan Kerajaan Negeri tidak lewat daripada 6 minggu selepas tarikh ia diterima.

Seksyen 57 Akta 171 memperuntukkan bahawa PBT tidak boleh melakukan apa-apa perbelanjaan yang tidak dimasukkan dalam anggaran kecuali dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Seksyen 60(2) Akta 171 memperuntukkan bahawa juruaudit hendaklah mengemukakan kepada PBT tidak lewat daripada 31 Oktober pada setiap tahun pandangan mengenai akaun PBT bagi tahun kewangan yang lalu.

Seksyen 60(4) Akta 171 memperuntukkan bahawa akaun yang telah diaudit hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat PBT dan disiarkan dalam warta.

Seksyen 60(5) Akta 171 memperuntukkan bahawa satu salinan penyata dan akaun hendaklah dihantar kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri dan bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dibentangkan dalam Dewan Rakyat.

Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri pada 20 April 2009 telah memutuskan supaya penyerahan Penyata Kewangan PBT kepada Jabatan Audit Negara bagi tujuan audit adalah **pada atau sebelum 30 April tahun berikutnya**. Arahan ini telah dimaklumkan kepada semua Kerajaan Negeri dan PBT melalui Pekeliling bil.(4)KPKT(02)799/6 Klt.9 bertarikh 9 September 2009 – Penyerahan Penyata Kewangan Tahunan Pihak Berkuasa Tempatan Kepada Jabatan Audit Negara.

## GERAN TAHUNAN PBT

Geran tahunan PBT adalah merupakan sejumlah kewangan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada PBT melalui Kerajaan Negeri untuk membantu pihak-pihak berkuasa tempatan menyenggara pentadbiran mereka.

Pemberian Geran Tahunan PBT adalah di bawah Akta Pemberian Kepada Negeri (Penyelenggaraan Pihak Berkuasa Tempatan) 1981 [Akta 245] dan pengiraannya adalah berdasarkan formula yang dipersetujui oleh kerajaan pada tahun 2006. Formula tersebut adalah bagi menggantikan formula Geran Tahunan Berasaskan Kaedah Keseimbangan (GTBKK) yang digunakan sejak tahun 1992.

Pemberian geran tahunan kepada PBT adalah bertujuan untuk membantu perbelanjaan mengurus sesebuah PBT.

Mesyuarat Majlis Kewangan Negara Tahun 2009 pada 25 Ogos 2009 telah bersetuju dengan cadangan pemberian geran tahunan kepada PBT di Sabah dan Sarawak mulai tahun 2010. Keputusan ini juga telah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dalam mesyuarat MNKT Ke-62 pada 17 September 2009.

## **SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (SMK)**

Sumbangan Membantu Kadar (SMK) merupakan sumbangan yang dituntut oleh PBT bagi kadar kepada bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan termasuk bangunan-bangunan yang diduduki oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Harta-harta ini tidak dikenakan cukai taksiran oleh PBT sebaliknya dikenakan SMK seperti yang ditetapkan di bawah Perkara 156 Perlembagaan Persekutuan.

Tatacara tuntutan dan kadar sumbangan bagi membantu kadar adalah berdasarkan Pekeliling KPKT(01)77/5 bertarikh 15 Januari 1986 – Tatacara Bagi Menuntut Sumbangan Bagi Membantu Kadar di Bawah Perkara 156 Perlembagaan Persekutuan Mengenai Bangunan-Bangunan Yang Diduduki Oleh Kerajaan Persekutuan Dalam Kawasan Penguasa-Penguasa Tempatan dan Pekeliling bil.(56)KPKT(02)(C)143/2 Jld.2 bertarikh 1 Julai 1989 – Kadar Sumbangan Bagi Membantu Kadar Mengikut Perkara 156 Perlembagaan Persekutuan.

## **BANTUAN BAYARAN BIL ELEKTRIK PBT SEBANYAK 50%**

Kerajaan Persekutuan juga memberikan bantuan bayaran bil elektrik kepada setiap PBT untuk lampu jalan dan lampu isyarat selaras dengan keputusan Majlis Kewangan Negara pada 21 September 2007. Tuntutan adalah secara bayaran balik bagi bil elektrik tahun sebelumnya dan dibiayai secara bersama dengan Kerajaan Negeri secara 50 : 50 setiap tahun.

## GERAN PELANCARAN

Geran Pelancaran merupakan salah satu daripada beberapa jenis pemberian Kerajaan Persekutuan kepada PBT kecuali PBT di Sabah dan Sarawak yang tidak ditubuhkan di bawah Akta 171. Mesyuarat MNKT Ke-22 pada 29 Disember 1977 telah meluluskan pemberian geran pelancaran kepada PBT sekali sahaja sebaik PBT tersebut disusun semula mengikut Akta 171. Tujuan pemberian geran pelancaran adalah seperti berikut:

- (i) untuk mengadakan alat-alat perkakas untuk memenuhi keperluan mengadakan perkhidmatan dan untuk menambah perkhidmatan kepada kawasan-kawasan baru yang belum mendapat perkhidmatan PBT; dan
- (ii) untuk menyediakan infrastruktur asas seperti jalan, longkang, lampu jalan dan sebagainya.

Luas kawasan dan jumlah penduduk merupakan 2 faktor utama yang akan menentukan jumlah geran pelancaran yang diberikan kepada PBT.

# KUASA PELESENAN PBT

**E**

# (E) KUASA PELESENAN PBT

## KUASA PBT UNTUK MENGELOUARKAN LESEN

Seksyen 107 Akta 171 memperuntukkan kuasa pengeluaran lesen oleh PBT seperti berikut:

- (i) Seksyen 107(1) memperuntukkan bahawa PBT boleh menetapkan bayaran bagi lesen/ permit dan caj bagi memeriksa/ menyelia apa-apa tred, pekerjaan dan premis yang diberi lesen;
- (ii) Seksyen 107(2) memperuntukkan bahawa PBT boleh mengenakan apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan perlu oleh PBT ke atas lesen/permit yang diberi dan boleh membatkannya pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab;
- (iii) Seksyen 107(3) memperuntukkan bahawa PBT boleh enggan memberi atau membaharui sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab;
- (iv) Seksyen 107(4) memperuntukkan bahawa tempoh sah lesen tidak melebihi 3 tahun;
- (v) Seksyen 107(5) memperuntukkan supaya pemilik lesen hendaklah mempamerkan lesen setiap masa di tempat yang mudah dilihat dan mengemukakan lesen kepada mana-mana pegawai PBT apabila diminta; dan
- (vi) Seksyen 107(6) memperuntukkan bahawa kegagalan untuk mematuhi seksyen 107(5) boleh disabitkan kesalahan dan didenda tidak melebihi RM500 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.

## **LESEN PREMIS PERNIAGAAN YANG DIKELUARKAN OLEH PBT**

Berdasarkan Undang-undang Kecil PBT, terdapat 4 kategori lesen perniagaan yang utama dikeluarkan oleh PBT seperti berikut:

- (i) lesen premis perniagaan di bawah UUK Tred, Perniagaan dan Perindustrian;
- (ii) lesen restoran di bawah UUK Establisymen Makanan;
- (iii) lesen kedai gunting rambut dan pendandan rambut di bawah UUK Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut; dan
- (iv) lesen spa di bawah UUK Spa.

Walau bagaimanapun terdapat pelbagai Undang-undang Kecil lain berkaitan lesen premis perniagaan yang digubal PBT berdasarkan keperluan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Undang-undang Kecil berkaitan lesen premis perniagaan ini juga adalah berbeza mengikut PBT masing-masing.

## **PELESENAN AKTIVITI PERNIAGAAN**

Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-64 (MNKT Ke-64) pada 23 Mei 2011 telah bersetuju dengan penambahbaikan dalam proses pengeluaran lesen premis perniagaan seperti berikut:

- (i) lesen premis perniagaan dikeluarkan serta-merta;
- (ii) lesen premis perniagaan disatukan dengan lesen papan iklan premis perniagaan; dan
- (iii) proses permohonan lesen premis perniagaan dipermudahkan di mana pemohon hanya perlu mengemukakan dokumen penting sahaja.

Bagi membolehkan ia dilaksanakan secara seragam dan teratur di peringkat PBT, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan Pekeliling Bilangan 6 Tahun 2011 – Garis Panduan Penambahbaikan Pengeluaran Lesen Perniagaan dan Lesen Komposit Hotel (Pindaan 2011) bertarikh 8 Julai 2011 kepada semua Kerajaan Negeri dan PBT.

## **PELESENAN PAPAN IKLAN**

Mesyuarat MNKT Ke-61 pada 2 Disember 2008 telah meluluskan Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar yang disediakan oleh pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Garis panduan ini meliputi kawalan pemasangan struktur iklan dan kawalan kandungan iklan.

Garis panduan ini menetapkan supaya saiz tulisan iklan Bahasa Malaysia hendaklah lebih besar dari tulisan bahasa lain. Setiap papan iklan juga hendaklah mendapatkan kelulusan PBT dan dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) Iklan.

Pekeliling Bilangan 2 Tahun 2009 bertarikh 22 Januari 2009 - Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar telah dipanjangkan kepada semua Kerajaan Negeri dan PBT berhubung pelaksanaannya.

Selain itu, MNKT Ke-52 pada 11 Oktober 2004 juga telah meluluskan Garis Panduan Papan Iklan Premis Perniagaan sebagai panduan kepada PBT dalam meluluskan papan iklan yang dipasang pada premis-premis perniagaan. Garis panduan tersebut menekankan keutamaan penggunaan Bahasa Malaysia. Pekeliling Bil.(71)KPKT(02)799/6 Klt.6 bertarikh 11 Januari 2005 – Garis Panduan Papan Iklan Premis Perniagaan telah dipanjangkan kepada semua Kerajaan Negeri dan PBT berhubung pelaksanaannya.

## **PELESENAN AKTIVITI PERNIAGAAN KECIL**

KPKT telah mengeluarkan Pekeliling Bilangan 3 Tahun 2008 bertarikh 30 Jun 2008 – Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil Oleh PBT kepada semua Kerajaan Negeri dan PBT bagi memberi penjelasan dan panduan mengenai langkah-langkah untuk mempercepat dan mempermudahkan proses pengeluaran lesen dan permit perniagaan kecil. Aktiviti perniagaan kecil dalam kawasan PBT boleh dikategorikan kepada beberapa jenis seperti pasar malam, pasar tani, pasar awam ataupun pasar basah, penjaja statik, penjaja bergerak dan ruang niaga kecil di pasaraya ataupun *hypermarket*.

Antara intipati yang ditekankan di dalam pekeliling ini adalah dari segi penguatkuasaan terhadap perniagaan kecil iaitu:

- (i) pengeluaran permit perniagaan kecil hanya dikeluarkan kepada warga negara Malaysia sahaja;
- (ii) pemilik permit hendaklah berada di tempat bermiaga pada sepanjang masa;
- (iii) tindakan pembatalan permit boleh diambil ke atas pemilik yang memindah permit perniagaan mereka kepada warga asing; dan
- (iv) PBT boleh menyita dan merampas barang jualan serta-merta tanpa perlu mengenakan amaran terlebih dahulu bagi perniagaan tanpa lesen.

## PELESENAN AKTIVITI PERNIAGAAN YANG MELIBATKAN KEPENTINGAN ASING

Mesyuarat MNKT Ke-63 pada 2 September 2010 telah meluluskan Garis Panduan Penyertaan Asing Dalam Sektor Perdagangan Pengedaran di Malaysia (Pindaan) 2010 yang disediakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK). Melalui garis panduan tersebut, semua syarikat yang mempunyai kepentingan asing yang ingin terlibat dalam aktiviti perdagangan pengedaran seperti *hypermarket*, *supermarket*, *departmental store*, *distributive trade* dan *specialty store* perlu mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Perdagangan Pengedaran (JKPP) yang diurussetiakan oleh KPDKKK terlebih dahulu sebelum lesen premis perniagaan diperolehi daripada PBT. Ini termasuk cadangan daripada syarikat asing untuk membuka cawangan baru atau penempatan semula.

KPKT merupakan salah satu ahli jawatankuasa tersebut. Bagi melaksanakan keputusan MNKT Ke-63 tersebut, KPKT telah mengeluarkan Pekeliling Bilangan 3 Tahun 2010 bertarikh 29 Oktober 2010 – Garis Panduan Penyertaan Asing Dalam Sektor Perdagangan Pengedaran di Malaysia (Pindaan) 2010 kepada semua Kerajaan Negeri dan PBT.

## **PELESENAN AKTIVITI HIBURAN**

Perkara yang berkaitan dengan hiburan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri seperti yang dinyatakan di dalam Butiran 5(f), Senarai 2, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu pengeluar lesen aktiviti hiburan adalah berbeza mengikut negeri. Ada yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan ada yang dikeluarkan oleh PBT berdasarkan peruntukan di bawah Enakmen Hiburan Negeri masing-masing.

Walaupun Enakmen Hiburan berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan melalui KPKT ada menyediakan garis panduan bagi meningkatkan kawalan dan penguatkuasaan ke atas premis hiburan seperti berikut:

- (i) Pekeliling Bil.(11)KPKT(02)(S)8/37 Klt.2 bertarikh 19 Julai 1997 - Larangan Kepada Orang Bawah Umur Memasuki Pusat Hiburan;
- (ii) Pekeliling Bil.(70)KPKT(02)(S)8/37 Klt.5 bertarikh 26 September 2000 - Arahan Jemaah Menteri Mengenai Penguatkuasaan PBT Terhadap Kegiatan Yang Tidak Sihat Di Pusat-Pusat Hiburan; dan
- (iii) Pekeliling Bil.(42)KPKT(02)799/6 Klt.5 bertarikh 12 Julai 2003 - Tindakan Penguatkuasaan Oleh PBT Ke Atas Pusat-Pusat Hiburan.

## **PELESENAN PREMIS GOLONGAN PROFESIONAL**

Mesyuarat MNKT Ke-27 pada 4 Disember 1982 telah memutuskan supaya golongan profesional yang dikawal di bawah akta masing-masing seperti arkitek, jurutera, peguam, doktor, juruukur bahan, juruukur tanah dan perancang dikecualikan daripada pelesenan premis di bawah seksyen 102(s) Akta 171. Walau bagaimanapun, lesen papan iklan masih perlu dimohon daripada PBT.

## **PELESENAN EKspo PERDAGANGAN**

KPKT telah mengeluarkan Pekeliling Bil.(33)KPKT(02)(S)204/54 Klt.6 bertarikh 24 April 2001 – Garis Panduan Eksopo Perdagangan/Pesta Jualan sebagai panduan kepada PBT dalam meluluskan permit/lesen untuk aktiviti eksopo jualan dan pesta jual. Garis panduan tersebut antara lainnya meliputi proses pelesenan, tempoh masa operasi, lokasi, bayaran lesen, kebersihan dan keselamatan.

## **PELESENAN PERNIAGAAN BARANG-BARANG LUSUH**

Lesen untuk menjual barang-barang lusuh seperti besi buruk diperolehi daripada pihak polis melalui peruntukan Akta Peniaga Sekenhend 1946 [Akta 189] manakala lesen premis perniagaan dikeluarkan oleh PBT di bawah Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian.

## **PELESENAN MENJUAL MINUMAN KERAS**

Lesen menjual minuman keras dikeluarkan oleh Pejabat Daerah berdasarkan peruntukan Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan Akta Eksais 1976 (Akta 176). PBT mengeluarkan lesen premis perniagaan di bawah Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian. Jawatankuasa Pelesenan menjual minuman keras adalah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah manakala PBT bertindak sebagai salah seorang ahli Jawatankuasa.

Berikut merupakan maklumat tambahan berkaitan lesen penjualan arak yang telah dikemas kini setakat Disember 2022:

### **PUNCA KUASA**

- i) Seksyen 31 Akta Eksais 1976 (Akta 176) menyatakan bahawa Jawatankuasa Pelesenan Penjualan Minuman Keras adalah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan dianggotai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sebagai ahli jawatankuasa.

- ii) Seksyen 2(1) Akta Kastam 1967 (Akta 235) menakrifkan *liqour* yang memabukkan termasuk apa – apa alkohol, atau apa – apa cecair yang mengandungi lebih daripada 2% *spirit pruf* atau alkohol mutlak.
- iii) Seksyen 32 Akta Eksais 1976 (Akta 178) menyatakan sebarang penjualan *liqour* yang memabukkan secara runcit memerlukan lesen.
- iv) PBT mengeluarkan lesen premis perniagaan di bawah Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (UUK Tred PBT).

NEGERI	AGENSI			
	PENGELUAR LESEN	SOKONGAN		
	PEJABAT DAERAH	KASTAM	PDRM	PBT
JOHOR	✓	✓	✓	✓
KEDAH	✓	✓	✓	✓
KELANTAN	✓	✓	✓	✓
MELAKA	✓	✓	✓	✓
N.SEMBILAN	✓	✓	✓	✓
PAHANG	✓	✓	✓	✓
PERAK	✓	✓	✓	✓
PERLIS	✓	✓	✓	✓
P.PINANG	Kerajaan Negeri	✓	✓	✓
SELANGOR	✓	✓	✓	✓
TERENGGANU	Kerajaan Negeri	✓	✓	✓
SABAH	✓	✓	✓	✓
SARAWAK	PBT	✓	✓	✓
W.PERSEKUTUAN	PBT	✓	✓	✓

**Jadual 1 : Jadual Agensi Pengeluar Lesen Penjualan Arak Mengikut Negeri**

## PELESENAN PUSAT SIBER/ KAFE SIBER

Kerajaan pada tahun 2003 telah memutuskan supaya premis perniagaan cyber cafe dikawal melalui satu garis panduan selain memutuskan supaya lesen baru bagi cyber cafe dibekukan.

KPKT telah mengeluarkan pekeliling kepada semua Kerajaan Negeri dan PBT bagi melaksanakan keputusan tersebut serta meningkatkan tindakan penguatkuasaan seperti berikut:

- (i) Pekeliling Bil.(16)KPKT(02)799/6 Klt.6 bertarikh 26 Disember 2003 - Langkah Pengawalan Perniagaan Pusat Siber dan Cyber Cafe;
- (ii) Pekeliling Bil.(57)KPKT(02)799/6 Klt.6 bertarikh 22 Julai 2004 – Garis Panduan Pengawalan Perniagaan Pusat Siber dan Cyber Cafe (Pindaan); dan
- (iii) Pekeliling Bil.(4)KPKT(02)799/6 Klt.7 bertarikh 8 April 2005 – Garis Panduan Pengawalan Perniagaan Pusat Siber dan Cyber Cafe (Pindaan).

Garis panduan tersebut merangkumi kawalan ke atas:

- (i) aktiviti yang dibenarkan;
- (ii) masa operasi;
- (iii) had umur pengunjung;
- (iv) lokasi perniagaan yang dibenarkan;
- (v) larangan penjualan minuman keras dan rokok;
- (vi) penyediaan butiran pelanggan; dan
- (vii) aspek kebersihan premis.

Garis panduan ini tidak meliputi kawalan ke atas kandungan internet. Ini kerana seksyen 3(3) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) memperuntukkan bahawa tidak membenarkan penapisan internet dilakukan.

## **PELESENAN PUSAT HIBURAN KELUARGA (PHK)**

Sebagai alternatif kepada permainan video, KPKT telah menyediakan Garis Panduan PHK dan diedarkan melalui Pekeliling Bil.(74)KPKT(02)799/6 Klt.6 bertarikh 18 Februari 2005 – Garis Panduan Pusat Hiburan Keluarga (Pindaan) dan Pekeliling Bil.(45)KPKT(02)(S)8/37 Klt.6 bertarikh 23 Disember 2000 – Garis Panduan Pusat Hiburan Keluarga. Garis panduan tersebut antara lainnya menekankan kepada pengurusan premis, jenis-jenis permainan yang dibenarkan, jenis-jenis permainan yang tidak dibenarkan, syarat am kepada pengunjung dan masa operasi.

## **PERSEMBAHAN ARTIS LUAR NEGARA**

Persembahan artis luar negara perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (JK-PUSPAL) yang diurus setiakan oleh Kementerian Komunikasi Digital (Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan). KPKT merupakan ahli kepada jawatankuasa tersebut. Pekeliling Bil.(20)KPKT(02)(S)704/150 Klt.13 bertarikh 21 April 2010 – Garis Panduan Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara telah dipanjangkan kepada semua Kerajaan Negeri dan PBT berhubung garis panduan PUSPAL.

## **PUSAT SNUKER DAN BILLIARD DIKELUARKAN DARIPADA KATEGORI HIBURAN**

KPKT telah mengeluarkan Pekeliling Bil.(45)KPKT(02)(S)8/37 Klt.13 bertarikh 25 Jun 1999 – Pusat Latihan Snuker dan Billiard Dikeluarkan Daripada Kategori Hiburan kepada semua Kerajaan Negeri dan PBT supaya pusat snuker dan billiard yang tidak mempunyai aktiviti hiburan tidak dilesenkan di bawah Enakmen Hiburan Negeri. Pusat snuker dan billiard yang mempunyai aktiviti hiburan masih dilesenkan di Enakmen Hiburan Negeri. Satu garis panduan berhubung pelaksanaannya telah dikeluarkan kepada semua Kerajaan Negeri dan PBT melalui Pekeliling Bil.(30)KPKT(02)(S)8/37 Klt.9 bertarikh 28 Ogos 2002 – Garis Panduan Bagi Permohonan Pusat Snuker dan Billiard Dikeluarkan Daripada Kategori Hiburan.

## **PELESENAN PUSAT PERMAINAN VIDEO**

Kerajaan telah memutuskan supaya lesen baru permainan video tidak lagi dikeluarkan mulai 4 Oktober 2000. KPKT telah mengeluarkan Pekeliling Bil.(73)KPKT(02)(S)8/37 Klt.6 bertarikh 13 Oktober 2000 – Tindakan-Tindakan Membanteras Permainan Video Haram kepada semua Kerajaan Negeri dan PBT bagi melaksanakan keputusan ini.

## **PELESENAN PENJUALAN VCD/CD**

KPKT telah mengeluarkan Pekeliling Bil.(70)KPKT(02)(S)8/37 Klt.7 bertarikh 10 September 2001 - Pengharaman Penjualan VCD dan CD Di Tempat Terbuka kepada semua Kerajaan Negeri dan PBT bagi melaksanakan keputusan Kerajaan berhubung larangan penjualan VCD/CD di tempat terbuka seperti di pasar malam dan kaki lima. VCD/CD hanya boleh dijual di premis-premis tetap sahaja. PBT di bawah undang-undang kecil boleh mengenakan kompaun ke atas penjualan VCD secara terbuka dan lain-lain tindakan drastik akan dikenakan secara bersepada bersama-sama dengan agensi penguatkuasaan khususnya KPDNKK serta Polis Diraja Malaysia.

## **PELESENAN INDUSTRI SARANG BURUNG WALIT**

Mesyuarat MNKT Ke-63 pada 2 September 2010 telah meluluskan pemakaian Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit (1GP) sebagai panduan kepada PBT dalam meluluskan lesen premis penternakan dan premis pemprosesan sarang burung walit. Bagi membolehkan ia dilaksanakan di peringkat PBT, KPKT telah mengeluarkan Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2011 bertarikh 21 Februari 2011 – Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit (1GP) kepada semua Kerajaan Negeri dan PBT.

Bagi kawasan yang diisyiharkan sebagai kawasan warisan seperti di negeri Pulau Pinang dan Melaka, industri sarang burung walit yang baru adalah tidak dibenarkan, manakala bagi perusahaan sedia ada hendaklah diberi tempoh tidak melebihi 3 tahun sahaja daripada tarikh pekeliling ini berkuatkuasa.

**F** GARIS PANDUAN  
BERKAITAN PBT



# **GARIS PANDUAN BERKAITAN PBT**

**F**

## (F) GARIS PANDUAN BERKAITAN PBT

### 1. GARIS PANDUAN PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENYAMPAIAN PROSEDUR DAN PROSES CADANGAN PEMAJUAN

Mesyuarat MNKT ke-57 pada 23 Mac 2007 telah meluluskan Garis Panduan Penambahbaikan Sistem Penyampaian Prosedur dan Proses Cadangan Pemajuan. Garis panduan ini memberi penjelasan mengenai prosedur dan proses, norma masa yang diambil untuk memproses, senarai semak bagi dokumen dan pelan yang perlu dikemukakan semasa permohonan kelulusan secara serentak pembangunan tanah, kebenaran merancang dan pelan bangunan serta carta alir memproses permohonan untuk mempercepatkan cadangan pemajuan.

### 2. GARIS PANDUAN BAGI PELAKSANAAN PUSAT SETEMPAT MEMPROSES CADANGAN PEMAJUAN

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Mac 2007 yang telah bersetuju ke atas penambahbaikan sistem penyampaian prosedur dan proses serta pelaksanaan pusat setempat bagi cadangan pemajuan. Justeru Garis panduan ini memberi penjelasan mengenai halacara baru dalam memperluaskan kaedah baru pelaksanaan Pusat Setempat (*One Stop Centre*) sedia ada yang telah ditubuh di pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi cadangan pemajuan projek yang melibatkan tukar syarat tanah, pecah sempadan, kelulusan kebenaran merancang, pelan bangunan dan kelulusan jabatan-jabatan teknikal untuk mempercepatkan cadangan pemajuan.

### 3. GARIS PANDUAN BAGI SISTEM PENGETAHUAN PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN OLEH PARA PROFESIONAL

Mesyuarat MNKT ke-57 pada 23 Mac 2007 telah meluluskan Garis Panduan bagi Sistem Pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan

oleh Para Profesional. Garis panduan ini memberi penjelasan dan panduan kepada semua Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai sistem pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan atau *Certificate Of Completion And Compliance* (CCC) oleh Para Profesional menggantikan Perakuan Kelayakan Menduduki (*Certificate Of Fitness For Occupation - CFO*) yang dikeluarkan oleh PBT.

#### **4. KRITERIA BARU NAIK TARAF PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

Mesyuarat MNKT ke-60 pada 3 Jun 2008 telah bersetuju dengan cadangan kriteria baru naik taraf PBT bagi menggantikan kriteria sedia ada. Naik taraf PBT adalah selaras dengan peruntukan seksyen 4(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di mana PBN, dengan berunding dengan Menteri dan PBT, boleh, melalui pemberitahuan dalam warta menukar taraf sesuatu PBT.

Kriteria baru naik taraf PBT menekankan kepada 5 perkara berikut:

- i. jumlah penduduk;
- ii. jumlah hasil tahunan;
- iii. sistem penyampaian perkhidmatan;
- iv. keupayaan pusat pertumbuhan baru; dan
- v. kemampuan menyediakan perkhidmatan bandar, kemudahan infrastruktur, dan utiliti awam serta keupayaan membentuk jenama dan imej bandar.

#### **5. PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN PUSAT SETEMPAT (OSC)**

Mesyuarat MNKT ke-60 pada 3 Jun 2008 telah bersetuju dengan cadangan-cadangan penyelesaian bagi menambah baik pelaksanaan OSC di PBT seperti berikut:

- i. Jawatan Bagi Timbalan Pengurus Di Dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Dan Peranan Setiausaha Majlis;
- ii. Keahlian Jawatankuasa OSC;
- iii. Keputusan Permohonan Cadangan Pemajuan;

- iv. Ketidakhadiran Ahli Mesyuarat Jawatankuasa OSC;
  - v. Penurunan Kuasa PBN Kepada PBT;
  - vi. Pengemukaan Pelan Sanitari Dan Pelan Konkrit Tetulang Sebagai Rekod; dan
  - vii. Prosedur Dan Proses OSC Perlu Dipatuhi Secara Keseluruhan
- 6. KURSUS LATIHAN ASAS KEBERSIHAN PENGENDALI DAN PENJAJA MAKANAN DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**
- Mesyuarat MNKT ke-61 pada 2 Disember 2008 telah bersetuju supaya memansuhkan syarat Kursus Ulangan Latihan Asas Kebersihan Pengendali dan Penjaja Makanan bagi setiap tiga tahun untuk tujuan memperbaharui lesen perniagaan. PBT hendaklah memastikan semua pengusaha dan pengendali makanan, iaitu setiap orang yang bekerja dalam aktiviti penjualan dan penyediaan makanan wajib menghadiri Kursus Latihan Asas Kebersihan Pengendali Makanan dan Penjaja Makanan sekali sahaja sama ada bagi tujuan memohon lesen perniagaan, memperbaharui lesen perniagaan atau bekerja di premis makanan.
- 7. GARIS PANDUAN PERANCANGAN PAPAN IKLAN LUAR**
- Mesyuarat MNKT ke-61 pada 2 Disember 2008 telah bersetuju dengan Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar. Garis panduan ini membolehkan pemasangan papan iklan luar dikawal secara seragam di semua PBT di Semenanjung Malaysia.
- 8. GARIS PANDUAN PENYIDAIAN KAIN DI KEDIAMAN BERBILANG TINGKAT**

Mesyuarat MNKT ke-61 pada 2 Disember 2008 telah bersetuju dengan Garis Panduan Penyidaian Kain di Kediaman Berbilang Tingkat. Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pesuruhjaya Bangunan (COB) dalam mengatasi masalah penyidaian kain di kediaman berbilang tingkat sedia ada yang dilihat telah mencacatkan pandangan awam. Selain itu, objektif garis panduan ini

adalah untuk menjelaskan prinsip serta kaedah penyidaian di kediaman berbilang tingkat dapat dilaksanakan secara efektif dan teratur di samping memastikan ianya tidak mencacatkan pandangan awam.

## **9. GARIS PANDUAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN DI KAWASAN BUKIT DAN TANAH TINGGI**

Mesyuarat MNKT ke-62 pada 17 September 2009 telah bersetuju dengan Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi. Garis panduan ini disediakan untuk merancang dan mengawal aktiviti pembangunan di kawasan tanah berbukit, tanah tinggi, lereng bukit dan puncak bukit serta kawasan sekitarnya.

Fungsi garis panduan ini adalah untuk:

- i. digunakan oleh pihak berkuasa negeri (PBN) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) secara seragam di dalam mempertimbang permohonan kebenaran merancang dan laporan cadangan pemajuan (LCP); dan
- ii. digunakan oleh agensi pelaksana, pemaju dan pihak awam sebagai panduan dalam memilih, merancang dan membangun tapak-tapak dalam kawasan berbukit, tanah tinggi, lereng dan puncak bukit serta kawasan sekitarnya.

## **10. PENAMBAHBAIKAN URUSAN RUNDINGAN BAGI PROJEK PEMBANGUNAN JABATAN KERJA RAYA (JKR)**

Mesyuarat MNKT ke-62 pada 17 September 2009 telah bersetuju dengan cadangan Penambahbaikan Urusan Rundingan bagi Projek Pembangunan Jabatan Kerja Raya (JKR). Cadangan ini adalah berkaitan penambahbaikan urusan rundingan dengan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) di bawah Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, (Akta 172) bagi projek pembangunan kerajaan yang diuruskan oleh JKR bagi maksud kelulusan kebenaran merancang.

## **11. INDIKATOR BARU SISTEM *STAR RATING* PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SSR-PBT)**

Mesyuarat MNKT ke-63 pada 2 September 2010 telah bersetuju dengan 354 Indikator Baru Sistem *Star Rating* Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT). Indikator ini dibuat secara berasingan antara Dewan/Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah bagi tujuan penilaian tahun 2010.

## **12. GARIS PANDUAN PENYERTAAN ASING DALAM SEKTOR PERDAGANGAN PENGEDARAN DI MALAYSIA (PINDAAN) 2010**

Mesyuarat MNKT ke-63 pada 2 September 2010 telah bersetuju dengan Garis Panduan Penyertaan Asing dalam Sektor Perdagangan Pengedaran di Malaysia (Pindaan) 2010. Garis panduan ini bertujuan untuk

- i. memastikan perkembangan industri yang adil dan saksama;
- ii. meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor ekonomi; dan
- iii. memodenkan dan meningkatkan kecekapan industri.

## **13. GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN INDUSTRI BURUNG WALIT (1GP)**

Mesyuarat MNKT ke-63 pada 2 September 2010 telah bersetuju dengan Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit (1GP). 1GP ini menggariskan kaedah-kaedah untuk mengawal selia aktiviti pembangunan premis perladangan burung walit dan premis pemprosesan sarang burung walit di kawasan PBT mengikut Undang-Undang Tred, Perniadaan dan Perindustrian PBT.

## **14. PENGKLASIFIKASIAN PERKHIDMATAN SPA DAN URUTAN REFLEKSOLOGI**

Mesyuarat MNKT ke-63 pada 2 September 2010 telah bersetuju dengan pelaksanaan Pengklasifikasian Perkhidmatan SPA dan Urutan Refleksologi. Pelaksanaan ini adalah supaya semua premis SPA dan urutan refleksologi dilesenkan oleh PBT diklasifikasikan mengikut penarafan bintang dengan penyelarasian di antara agensi sedia ada iaitu KKM dan PBT.

## **15. GARIS PANDUAN PENAMBAHBAIKAN PENGELUARAN LESEN PERNIAGAAN DAN LESEN KOMPOSIT HOTEL (PINDAAN 2011)**

Mesyuarat MNKT ke-64 pada 23 Mei 2011 telah bersetuju dengan Garis Panduan Penambahbaikan Pengeluaran Lesen Perniagaan Dan Lesen Komposit Hotel (Pindaan 2011). Garis panduan ini antara lainnya merangkumi:

- i. proses kelulusan lesen perniagaan yang meliputi proses-proses utama yang terlibat serta tempoh masa yang ditetapkan;
- ii. borang permohonan lesen premis perniagaan yang seragam;
- iii. jenis perniagaan yang boleh diberikan kelulusan di bawah penambahbaikan ini;
- iv. aktiviti-aktiviti perniagaan berdasarkan taraf bintang sesebuah hotel;
- v. contoh lesen komposit hotel;
- vi. keperluan PBT untuk meminda Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian masing-masing bagi membolehkan tempoh sah laku lesen perniagaan dilanjutkan sehingga 3 tahun;
- vii. keperluan PBT untuk menyediakan jadual kadar bayaran lesen komposit hotel berdasarkan UUK masing-masing; dan
- viii. perbezaan antara amalan semasa dengan penambahbaikan dari segi proses-proses yang terlibat dalam permohonan lesen premis perniagaan dan lesen komposit hotel.

## **16. GARIS PANDUAN PERANCANGAN REKA BENTUK SEJAGAT (*UNIVERSAL DESIGN*)**

Mesyuarat MNKT ke-64 pada 23 Mei 2011 telah bersetuju dengan Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (Universal Design). Garis panduan ini disediakan untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) dan agensi pelaksana di dalam merancang dan mereka bentuk kemudahan-kemudahan dan persekitaran bandar yang dapat memenuhi keperluan akses oleh semua golongan individu termasuk kanak-kanak, orang-orang tua dan golongan orang kurang upaya/kelainan upaya (OKU).

## **17. GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENGENALPASTIAN BAGI PEMBANGUNAN SEMULA KAWASAN *BROWNFIELD***

Mesyuarat MNKT ke-65 pada 23 Mac 2012 telah bersetuju dengan Garis Panduan Perancangan Pengenalpastian Bagi Pembangunan Semula Kawasan Brownfield. Garis panduan ini diguna pakai di peringkat penyediaan rancangan pemajuan untuk mengenal pasti kawasan *brownfield* dan menetapkan syarat-syarat pemajuan dalam proses kawalan perancangan. Selain itu, garis panduan ini juga termasuk keperluan untuk membentuk pangkalan data *Geographical Information System* (GIS) bagi inventori kawasan *brownfield* di peringkat negeri dan PBT.

## **18. GARIS PANDUAN *STAR RATING* KEBERSIHAN TANDAS KEGUNAAN AWAM DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Mesyuarat MNKT ke-65 pada 21 Mac 2012 telah meluluskan Garis Panduan *Star Rating* Kebersihan Tandas Kegunaan Awam Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan PBT agar tatacara penyenggaraan dan pengurusan tandas awam lebih berkesan. Garis panduan ini digunakan untuk urusan pemeriksaan dan pengauditan kebersihan tandas awam di kawasan PBT dan tandas-tandas lain yang terdapat di kawasan PBT.

## **19. GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN LARANGAN PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI LUAR PAGAR SEKOLAH OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Mesyuarat MNKT ke-65 pada 21 Mac 2012 telah meluluskan Garis Panduan Penguatankuasaan Larangan Penjualan Makanan dan Minuman Di Luar Pagar Sekolah oleh PBT untuk diguna pakai di PBN dan PBT bagi memastikan semua peniaga yang menjalankan aktiviti penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Garis panduan ini juga menetapkan kriteria-kriteria seperti berikut:

- i. penetapan jarak 40 meter dari pagar sekeliling sekolah sebagai lingkungan jarak tapak larangan penjualan makanan dan minuman, dan
- ii. senarai dan justifikasi larangan jualan mengikut jenis makanan dan minuman.

## **20. GARIS PANDUAN SISTEM PENGUMPULAN DAN PENGGUNAAN SEMULA AIR HUJAN (SPAH)**

Garis Panduan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) ini telah dicetak pada tahun 2013. Ianya merupakan terjemahan dan penambahbaikan kepada garis panduan asal *Guidelines for Installing a Rainwater Collection and Utilization System* yang telah dikeluarkan oleh KPPT pada tahun 1999. Ianya bertujuan bagi membantu semua pihak yang berkaitan untuk melaksanakan SPAH di dalam projek pembangunan yang bersesuaian. Garis panduan SPAH ini juga disediakan berdasarkan kepada pindaan Undang-undang Kecil 2, 10 dan 115 di bawah Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984) yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat MNKT ke-64 pada 23 Mei 2011.

## **21. GARIS PANDUAN PUSAT PENYEMBELIHAN AYAM, ITIK DAN UNGGAS DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Mesyuarat MNKT ke-66 pada 3 September 2013 telah meluluskan Garis Panduan Pusat Penyembelihan Ayam, Itik dan Unggas di Kawasan PBT untuk rujukan agensi pelaksana. Garis Panduan ini

merangkumi semua pusat penyembelihan ayam, itik dan lain-lain unggas di kawasan PBT di Semenanjung Malaysia. Pemakaian garis panduan ini di negeri Sabah dan Sarawak adalah tertakluk kepada penerimaan sebagaimana yang dipersetujui oleh PBN.

## **22. GARIS PANDUAN SISTEM PENGGREDAN PREMIS MAKANAN DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Mesyuarat MNKT ke-66 pada 3 September 2013 telah meluluskan Garis Panduan Sistem Penggredan Premis Makanan di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan untuk rujukan agensi pelaksana. Garis Panduan ini merangkumi perkara seperti berikut:

- i. kategori premis makanan iaitu restoran, restoran makanan segera, kedai makan, cafeteria, *kiosk*, dan *food court*; dan
- ii. jenis pengoperasian iaitu secara kendiri (*stand alone*) ataupun berintegrasi dengan premis-premis lain di dalam satu struktur bangunan atau fasiliti di kawasan PBT di seluruh Malaysia.

## **23. TATACARA OPERASI PIAWAI (SOP) PENANGKAPAN DAN PELUPUSAN ANJING TERBIAR DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Mesyuarat MNKT ke-67 pada 4 Mac 2014 telah bersetuju untuk mewujudkan satu Tatacara Operasi Piawai (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan PBT bagi rujukan agensi pelaksana. SOP ini merupakan panduan kepada PBN dan PBT mengenai pengurusan aktiviti penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di kawasan PBT. Pemakaian SOP ini di negeri Sabah dan Sarawak tertakluk kepada penerimaan PBN sebagaimana yang dipersetujui.

## **24. UNDANG-UNDANG KECIL (UUK) SPA 2014**

Mesyuarat MNKT ke-68 pada 18 September 2014 telah bersetuju supaya Undang-Undang Kecil (UUK) SPA 2014 ini dijadikan rujukan oleh semua PBT di negara ini. Penggubalan UUK ini adalah bagi menggantikan UUK Modular Rumah Urut yang telah diluluskan oleh

Mesyuarat MNKT kali ke-32 pada tahun 1987. Gubalan UUK Spa ini diusahakan memandangkan UUK Rumah Urut sedia ada telah lapuk, tidak lagi relevan dan tidak sesuai dengan keperluan serta perkembangan semasa industri spa.

## **25. GARIS PANDUAN PERANCANGAN LORONG BELAKANG**

Mesyuarat MNKT ke-68 pada 18 September 2014 telah meluluskan Garis Panduan Perancangan Lorong Belakang. Garis panduan ini terpakai untuk perancangan dan kawalan pembangunan di skim perumahan baharu di seluruh Semenanjung Malaysia. Semua pemaju perlu mematuhi garis panduan ini semasa mengemukakan borang permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Pembangunan.

## **26. GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENGUKURAN KE ATAS JAJARAN UTILITI BAWAH TANAH SEMASA PEMASANGAN**

Mesyuarat MNKT ke-68 pada 18 September 2014 telah meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan Pengukuran ke atas Jajaran Utiliti Bawah Tanah Semasa Pemasangan. Garis Panduan ini bertujuan untuk menetapkan peraturan dan prosedur yang jelas bagi membantu Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak-pihak yang berkepentingan berhubung pelaksanaan pengukuran ke atas jajaran utiliti bawah tanah semasa pemasangan iaitu:

- i. semua utiliti bawah tanah baharu yang dipasang melalui pengorekan terbuka atau melalui penggerudian berarah (*horizontal directional drilling; HDD*) hendaklah diukur oleh Juruukur Tanah Bertauliah semasa pemasangan; dan
- ii. keperluan di para (i) di atas dijadikan salah satu syarat kelulusan dalam permohonan kebenaran merancang.

## **27. GARIS PANDUAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN FIZIKAL PULAU-PULAU DAN TAMAN LAUT**

Mesyuarat MNKT ke-69 pada 26 Januari 2015 telah meluluskan Garis Panduan Perancangan Pembangunan Fizikal Pulau-Pulau dan

Taman Laut. Garis Panduan Perancangan Pembangunan Fizikal Pulau-Pulau dan Taman Laut ini disediakan adalah untuk:

- i. membantu kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta pemaju dalam merancang, mengawal dan membangunkan kawasan pulau daripada aspek peletakan, kepadatan, aktiviti yang dibenarkan dan tidak dibenarkan dalam sesuatu pemajuan di sebuah pulau;
- ii. menyediakan syarat-syarat piawaian perancangan minimum bagi semua pembangunan di kawasan pulau; dan
- iii. memelihara dan memperbaiki kualiti persekitaran, memulihara flora dan fauna serta biodiversiti kawasan pulau dan sekitarnya.

## 28. SENARAI SEMAK KEMUDAHAN AKSES BERDASARKAN REKABENTUK SEJAGAT MS1184:2014

Senarai Semak Audit Akses Rekabentuk Sejagat MS1184:2014 yang telah dikeluarkan pada bulan Jun 2015 disediakan bertujuan:

- (i) memudahkan semua pihak berkaitan dalam merancang, merekabentuk, menyediakan, menyelaras dan mengaudit keperluan rekabentuk sejagat yang merangkumi golongan warga emas, kanak-kanak dan Orang Kurang Upaya (OKU) dikawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
- (ii) membantu PBT dan Agensi Teknikal lain dalam membuat semakan terhadap permohonan kelulusan bangunan baharu serta ubah suai yang dimajukan oleh *Principal Submitting Person* (PSP) atau *Submitting Person* (SP), disamping semakan semasa peringkat pembinaan, pra dan pasca *Certificate of Completion and Compliance* (CCC).

Senarai Semak Audit Akses ini hendaklah dibaca bersama Undang-Undang Kecil 34A dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (1984). Setiap PBT yang menggunakan UKBS dikehendaki menguatkuasakan undang-undang ini dan memastikan bahawa kehendak-kehendak kemudahan bangunan untuk orang kurang upaya disediakan berdasarkan Piawaian Malaysia MS1184 dan MS1183.

## **29. GARIS PANDUAN PERANCANGAN KAWASAN PERDAGANGAN**

Mesyuarat MNKT ke-70 pada 23 Februari 2016 telah meluluskan Garis Panduan Perancangan Kawasan Perdagangan. Garis panduan ini terpakai untuk merancang, mengawal dan membangunkan kawasan perdagangan khususnya semasa penyediaan pelan-pelan pembangunan dan proses permohonan kebenaran merancang dari segi peletakan dan perancangan tapak, jenis bangunan, keluasan minimum dan syarat-syarat piawaian perancangan minimum bagi semua pembangunan di kawasan perdagangan.

## **30. GARIS PANDUAN PENGURUSAN BAZAR RAMADAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Mesyuarat MNKT ke-70 pada 23 Februari 2016 telah mengambil maklum akan Garis Panduan Pengurusan Bazar Ramadan Edisi Kedua Tahun 2016 oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Garis panduan ini telah memansuhkan Garis Panduan Pengurusan Bazar Ramadan Edisi Pertama Tahun 2013. Ianya telah diterbitkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk dilaksanakan di peringkat Pejabat-pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan PBT.

Garis Panduan ini menekankan aspek seperti berikut:

- i. pengurusan bazar Ramadan dalam mencegah dan mengawal penyakit bawaan air dan makanan; dan
- ii. pelaksanaan aktiviti pemeriksaan premis dan pesampelan termasuk penguatkuasaan dan perundungan semasa Operasi Ramadan adalah konsisten di semua peringkat.

## **31. MEWAJIBKAN PENGGUNAAN KAE DAH IBS SEBAGAI SALAH SATU SYARAT KELULUSAN PELAN BANGUNAN OLEH PBT**

Mesyuarat MNKT ke-71 pada 10 Julai 2017 telah bersetuju dengan cadangan Mewajibkan Penggunaan Kaedah IBS Sebagai Salah Satu Syarat Kelulusan Pelan Bangunan oleh PBT. Garis panduan ini menjadi rujukan utama dalam pelaksanaan syarat wajib penggunaan

syarat IBS bagi projek swasta melalui permohonan Kebenaran Merancang atau Perintah Pembangunan dan proses permohonan Pelan Bangunan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

### **32. GARIS PANDUAN PERANCANGAN CHALET ATAS AIR**

Mesyuarat MNKT ke-71 pada 10 Julai 2017 telah bersetuju dengan Garis Panduan Perancangan Chalet Atas Air. Garis panduan ini digunakan untuk merancang dan mengawal pembangunan chalet atas air di persisiran pantai, sungai dan tasik.

### **33. GARIS PANDUAN PERANCANGAN TEMPAT LETAK KENDERAAN (TLK)**

Mesyuarat MNKT ke-71 pada 10 Julai 2017 telah bersetuju dengan Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kenderaan (TLK). Garis panduan ini digunakan untuk merancang, mengawal dan membangunkan kawasan tempat letak kenderaan khususnya semasa penyediaan pelan-pelan pembangunan dan proses permohonan kebenaran merancang dari aspek perancangan tapak, jenis tempat letak kenderaan, saiz lot minimum, kemudahan sokongan dan syarat-syarat piawaian perancangan minimum kawasan tempat letak kenderaan.

### **34. PELAN TINDAKAN PENGURUSAN TANDAS AWAM KEBANGSAAN DAN MANUAL PEMBERSIHAN TANDAS AWAM**

Mesyuarat MNKT 71 pada 10 Julai 2017 telah meluluskan pemakaian Pelan Tindakan Pengurusan Tandas Awam Kebangsaan dan Manual Pembersihan Tandas Awam oleh PBT dan PBN. Pelan ini menetapkan hala tuju dan rangka tindakan bagi tempoh lima (5) tahun yang perlu dilaksanakan oleh pihak berkepentingan dalam pengurusan tandas awam dan tatacara pencucian tandas awam yang betul. Manual pembersihan tandas awam yang diwujudkan adalah untuk menyeragamkan aktiviti pembersihan tandas awam. Ianya akan dijadikan panduan kepada sektor awam, swasta dan PBT di seluruh

negara bagi memastikan tandas-tandas awam tersebut diselenggara dengan baik.

### **35. GARIS PANDUAN KAWALAN TIKUS DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Mesyuarat MNKT ke-71 pada 10 Julai 2017 telah bersetuju dengan pemakaian Garis Panduan Kawalan Tikus oleh PBN dan PBT. Garis panduan ini diwujudkan bagi menangani masalah infestasi tikus di kawasan PBT meliputi pusat penjaja, pasar, premis makanan, premis perniagaan, pusat pelancongan, tempat pengumpulan sampah, tapak pelupusan sampah dan tempat-tempat awam. Garis panduan ini juga akan menyeragamkan aktiviti kawalan tikus dan dapat mengawal penggunaan racun serta bahan kimia yang digunakan dalam aktiviti tersebut oleh semua PBT seluruh negara.

### **36. GARIS PANDUAN AMALAN BAIK BAHAN KIMIA DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

Mesyuarat MNKT ke-71 yang bersidang pada 10 Julai 2017 telah meluluskan pemakaian garis panduan oleh PBN dan PBT iaitu Garis Panduan Amalan Baik Pengurusan Bahan Kimia di Pihak Berkuasa Tempatan. Ianya telah dirangka berdasarkan peruntukan dalam Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pengelasan, Pelabelan dan Helaian Data Keselamatan Bahan Kimia Berbahaya 2013). Garis panduan ini merupakan panduan dalam pengurusan bahan kimia yang melibatkan kaedah pembelian, penerimaan dan pelabelan, penstoran, penyimpanan dan pelupusan bahan kimia berbahaya yang digunakan oleh PBT.

### **37. GARIS PANDUAN PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA – SYARAT-SYARAT PENUBUHAN DI BANGUNAN BERTINGKAT**

Mesyuarat MNKT ke-71 pada 10 Julai 2017 telah bersetuju dengan pemakaian. Garis panduan ini digunakan untuk merancang dan mengawal penubuhan TADIKA dan TASKA di bangunan bertingkat yang mengambil kira prinsip perancangan bandar, prinsip keselamatan kebakaran dan prinsip pendidikan awal.

### **38. GARIS PANDUAN PEMASANGAN PERANGKAP MINYAK DI PREMIS MAKANAN DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) SELURUH NEGARA**

Mesyuarat MNKT ke-71 pada 10 Julai 2017 telah bersetuju dengan pemakaian Garis Panduan Pemasangan Perangkap Minyak di Premis Makanan di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Seluruh Negara oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan PBT dalam menguatkuasakan syarat pelesenan premis makanan. Garis panduan ini menggariskan aspek-aspek penting dalam pemasangan perangkap minyak seperti berikut:

- i. syarat-syarat reka bentuk;
- ii. kaedah operasi dan penyenggaraan;
- iii. kaedah pelupusan sisa dan simpanan rekod;
- iv. carta alir permohonan lesen premis makanan; dan
- v. borang-borang yang berkaitan.

### **39. GARIS PANDUAN PENGURUSAN TRAK BERGERAK (MAKANAN, BARANGAN DAN PERKHIDMATAN) DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Mesyuarat MNKT ke-72 pada 6 September 2018 telah meluluskan Garis Panduan Pengurusan Trak Bergerak (Makanan, Barang dan Perkhidmatan) di Pihak Berkuasa Tempatan. Garis Panduan ini diwujudkan bagi memudahkan PBT untuk mengawal selia perniagaan trak bergerak (makanan, barang dan perkhidmatan) secara komprehensif. Ianya juga menjadi rujukan pihak yang berkepentingan untuk merancang keperluan pengurusan perniagaan trak bergerak secara holistik seperti berikut:

- i. penyediaan lokasi perniagaan;
- ii. jenis perkhidmatan yang boleh ditawarkan;
- iii. syarat-syarat lesen/permit perniagaan dan kadar fi;
- iv. masa operasi;
- v. spesifikasi kenderaan, kebersihan dan keselamatan makanan;
- vi. fasiliti awam (bekalan elektrik, air dan tandas awam);
- vii. pengurusan sisa pepejal serta pengiklanan yang mematuhi syarat-syarat PBT.

Selain itu, garis panduan ini juga membolehkan PBT mengawal selia dan menguatkuasakan aktiviti perniagaan trak bergerak dengan lebih berkesan.

#### **40. GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN KOLAM RENANG AWAM DI KAWASAN PBT**

Mesyuarat MNKT ke-73 pada 15 Februari 2019 telah bersetuju dengan Garis Panduan Pengurusan Pengurusan dan Penyelenggaraan Kolam Renang Awam di Kawasan PBT. Garis Panduan ini menyatakan secara terperinci prosedur atau peraturan pengurusan dan penyenggaraan kolam renang termasuk aspek keselamatan yang perlu dipatuhi oleh PBT. Aspek-aspek penting yang ditekankan dalam garis panduan tersebut ialah:

- i. Pengurusan Kolam Renang;
- ii. Penyediaan Pelan Keselamatan;
- iii. Program Pembersihan dan Penyenggaraan Kolam Renang; dan
- iv. Pemantauan Kualiti Air Kolam Renang.

#### **41. GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMANTAUAN KUALITI AIR KOLAM RENANG**

Mesyuarat MNKT ke-73 pada 15 Februari 2019 telah bersetuju dengan cadangan Pemantauan Kualiti Air Kolam Renang dan *Swimming Pool Water Quality Standard And Monitoring Guidelines (For Public Pool Operators)* untuk diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Garis Panduan ini turut diguna pakai oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dalam memantau kualiti air bagi:

- i. kolam renang awam di bawah seliaan PBT
- ii. kolam renang awam di bawah seliaan swasta seperti hotel, resort, rumah peranginan; dan
- iii. kolam renang awam di sekolah, pusat rekreasi, taman tema, apartmen dan kondominium.

Pelaksanaan pemantauan adalah dengan:

- i. Mengambil sampel air dan membuat ujian/analisis in-situ atau di makmal;
- ii. Setiap aktiviti persampelan direkodkan di dalam format reten-reten yang ditetapkan mengandungi maklumat seperti tarikh, masa ujian dilaksanakan, lokasi sampel, keputusan ujian untuk parameter yang diuji dan sebagainya;
- iii. Mengenal pasti kelemahan sistem rawatan air kolam dan/atau kelemahan penyenggaraan dengan berpandukan kepada keputusan analisis air; dan
- iv. Mengesyorkan tindakan penambahbaikan.

## 42. GARIS PANDUAN PENGURUSAN PASAR MALAM/ PASAR HARIAN/ PASAR TANI DI KAWASAN PBT

Mesyuarat MNKT ke-74 pada 23 Julai 2019 telah bersetuju dengan Garis Panduan Pengurusan Pasar Malam/ Pasar Harian/ Pasar Tani Di Kawasan PBT untuk memberi panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta semua pihak yang terlibat dalam merancang, mengawal dan menguruskan aktiviti pasar malam/ pasar harian/ pasar tani di Malaysia.

Elemen-elemen di dalam garis panduan merangkumi perkara berikut:

- i. Lokasi;
- ii. Petak dan gerai;
- iii. Pengezonan;
- iv. Keperluan kemudahan asas;
- v. Kebersihan dan kesihatan;
- vi. Inisiatif mesra alam;
- vii. Pengurusan tapak;
- viii. Keselamatan;
- ix. Peranan dan tingkah laku; dan
- x. Senarai rujukan.

### **43. GARIS PANDUAN KAWALAN NYAMUK DI KAWASAN PBT**

Mesyuarat MNKT ke-74 pada 23 Julai 2019 telah bersetuju dengan cadangan Garis Panduan Kawalan Nyamuk Di Kawasan Pihak PBT untuk memberi panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta semua pihak yang berkepentingan dalam pengurusan pencegahan dan pengawalan pembiakan nyamuk aedes dalam premis dan persekitaran. Ia juga menjadi pelengkap kepada garis panduan sedia ada di PBT masing-masing.

Objektif garis panduan ini disediakan adalah untuk:

- i. mengenal pasti premis berpotensi dan berisiko tinggi sebagai tempat pembiakan nyamuk Aedes di kawasan PBT;
- ii. memutuskan rantai jangkitan demam denggi dengan menghapuskan tempat-tempat pembiakan di persekitaran manusia;
- iii. menyeragam dan menyelaras tindakan pencegahan dan pengawalan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes berasaskan amalan terbaik di lapangan; dan
- iv. menyelaras dan melapor semua aktiviti yang dijalankan oleh pihak PBT dalam kerja-kerja pencegahan dan pengawalan kes demam denggi di kawasan PBT.

### **44. PELAN TINDAKAN AKSESIBILITI ORANG KURANG UPAYA DI BAWAH ASPEK PERSEKITARAN FIZIKAL BAGI PANDUAN PELAKSANAAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

Mesyuarat MNKT ke-74 yang bersidang pada 23 Julai 2019 telah bersetuju dengan Pelan Tindakan Aksesibiliti Orang Kurang Upaya di bawah Aspek Persekitaran Fizikal bagi Panduan Pelaksanaan oleh PBT untuk dijadikan panduan kepada penyediaan pelan tindakan aksesibiliti oleh setiap PBT. Secara keseluruhannya, pelan tindakan ini terbahagi kepada tiga (3) matlamat, 11 skop tindakan, 20 tindakan dan 20 perincian yang perlu dilaksanakan oleh PBT.

Objektif pewujudan Pelan Tindakan Aksesibiliti ini adalah:

- i. Sebagai panduan yang standard dalam pembangunan pelan tindakan aksesibiliti setiap PBT; dan
- ii. Sebagai panduan untuk meningkatkan aksesibiliti kemudahan dalam dan luar bangunan serta ruang awam di setiap PBT.

#### **45. PELAKSANAAN MANUAL OSC 3.0 PLUS DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) SEMENANJUNG MALAYSIA**

Mesyuarat MNKT ke-75 pada 10 Januari 2020 telah bersetuju berhubung cadangan menerima pakai Manual OSC 3.0 *Plus* di semua Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia serta semua Agensi/ Jabatan Teknikal yang berkaitan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah.

Manual OSC 3.0 *Plus* ini menggariskan tatacara dan prosedur kerja yang seragam untuk kegunaan di seluruh Negara. Inisiatif ini diambil untuk meningkatkan tahap keyakinan dan kepercayaan pelabur dalam sektor pembinaan iaitu melalui peningkatan kompetensi dan kecekapan perkhidmatan awam terutama di PBT. Penggunaan manual juga dapat membantu meningkatkan pematuhan terhadap peraturan dan undang-undang. Manual OSC 3.0 *Plus* boleh dimuat turun melalui laman sesawang <http://jkt.kpkt.gov.my/ManualOSC>

#### **46. GARIS PANDUAN PENGURUSAN KENDERAAN TERBIAR DI KAWASAN OPERASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Mesyuarat MNKT ke-75 pada 10 Januari 2020 telah bersetuju dengan cadangan Garis Panduan Pengurusan Kenderaan Terbiar di Kawasan Operasi Pihak Berkuasa Tempatan. Garis panduan ini diwujudkan untuk membantu menyeragamkan pengurusan kenderaan terbiar di PBT. Hal ini kerana, sebelum ini prosedur operasi pengurusan kenderaan terbiar yang digunakan oleh PBT hanya berdasarkan kepada pandangan Penasihat Undang-Undang di PBT masing-masing. Prosedur baru pengurusan kenderaan terbiar yang digariskan dalam garis panduan ini dapat membantu PBT untuk menguruskan kenderaan terbiar dengan lebih cepat dan berkesan.

## **47. GARIS PANDUAN PENGURUSAN PREMIS CUCIAN KENDERAAN DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Mesyuarat MNKT ke-75 pada 10 Januari 2020 telah bersetuju dengan cadangan Garis Panduan Pengurusan Premis Cucian Kenderaan Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Garis Panduan ini adalah untuk memberi panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta semua pihak yang berkepentingan dalam menyeragamkan syarat dan keperluan mengenai pengurusan premis cucian kenderaan yang turut merangkumi aspek keperluan-keperluan fizikal, penyenggaraan, pengurusan sisa serta penyimpanan rekod di premis-premis cucian kenderaan di kawasan PBT.

## **48. GARIS PANDUAN KAEADAH PEROLEHAN PIHAK PENGURUSAN BANGUNAN BERSTRATA**

Mesyuarat MNKT ke-75 pada 10 Januari 2020 telah bersetuju dengan cadangan Garis Panduan dan Kaedah Perolehan Pihak Pengurusan Bangunan Berstrata. Garis panduan ini bertujuan untuk memberikan panduan dan kemudahan kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB), Perbadanan Pengurusan (MC), Perbadanan Pengurusan Subsidiari (Sub MC) dan Ejen Pengurusan untuk mengurus perolehan ke arah yang lebih telus dan terbuka. Malah pemakaian garis panduan ini juga dilihat sebagai mekanisme mencegah dan menutup ruang serta peluang untuk rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa serta memelihara hak dan kepentingan komuniti strata.

## **49. PROSEDUR PERMOHONAN BAGI PENYEDIAAN PENGINAPAN PEKERJA SECARA JANGKA PENDEK**

Mesyuarat MNKT ke-77 pada 2 Mac 2021 telah bersetuju dengan Prosedur Permohonan bagi Penyediaan Penginapan Pekerja Secara Jangka Pendek yang telah disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa). Prosedur ini bertujuan untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi Kerajaan, pihak pemaju, majikan, pengilang dan pengusaha penginapan dalam menyediakan penginapan pekerja

yang meliputi pekerja asing dan tempatan terutama dalam waktu pandemik COVID-19.

Ia bersifat penyelesaian jangka pendek yang memerlukan tindakan segera bagi mengelak dan mengawal penginapan pekerja yang tidak teratur dan secara langsung menyebabkan penyebaran wabak penyakit. Prosedur ini terpakai dalam tempoh tiga (3) tahun iaitu bermula tahun 2021 hingga 2023. Bagi tahun berikutnya, penyediaan Penginapan Pekerja Berpusat (CLQ) adalah kaedah terbaik untuk memastikan kawalan dan penyediaan penginapan yang lebih berkualiti dan sistematik.

## **50. GARIS PANDUAN PASAR SEJAHTERA DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Mesyuarat MNKT ke-77 pada 2 Mac 2021 telah bersetuju dengan Garis Panduan Pasar Sejahtera di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan PBT serta semua pihak yang terlibat dalam merancang, mereka bentuk, mengurus dan menyenggara pasar di Malaysia ke arah mewujudkan Pasar Sejahtera iaitu sebuah pasar yang berbangunan kekal yang mempunyai ciri-ciri bersih, sihat, selamat, selesa, mesra alam, moden dan dilengkapi dengan fasiliti yang sesuai dengan masyarakat majmuk Malaysia.

## **51. PROSEDUR PERMOHONAN PEMAJUAN MENARA ATAU STRUKTUR KOMUNIKASI**

Mesyuarat MNKT ke-77 pada 2 Mac 2021 telah bersetuju dengan Prosedur Permohonan Pemajuan Menara atau Struktur Komunikasi untuk semua PBT serta semua agensi/jabatan teknikal yang berkaitan di peringkat Persekutuan, negeri dan daerah. Pelaksanaan Prosedur Permohonan Menara atau Struktur Komunikasi adalah untuk meningkatkan tahap kecekapan melalui pelaksanaan prosedur yang seragam dan konsisten di semua PBT.

## **52. GARIS PANDUAN PENGURUSAN CERUN DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Mesyuarat MNKT ke-78 pada 13 Julai 2021 telah bersetuju dengan Garis Panduan Pengurusan Cerun di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Keperluan pembangunan garis panduan ini adalah bagi menangani isu pengurusan cerun di kawasan PBT yang tidak dilaksanakan dengan efisien dan berkualiti dan garis panduan ini akan menjadi rujukan yang seragam kepada semua PBT.

## **53. GARIS PANDUAN SANITASI DAN DISINFEKSI KEMUDAHAN AWAM DAN PREMIS DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Mesyuarat MNKT ke-78 pada 13 Julai 2021 telah bersetuju dengan Garis Panduan Sanitasi dan Disinfeksi Kemudahan Awam dan Premis di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Garis panduan ini akan menjadi rujukan yang seragam kepada semua PBT dalam melaksanakan program dan aktiviti sanitasi dan disinfeksi kemudahan awam, premis PBT, swasta serta agensi Kerajaan di kawasan PBT bagi tujuan pencegahan penyakit berjangkit.

## **54. GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENGINAPAN PEKERJA BERPUSAT (*CENTRALISED LABOUR QUARTERS - CLQ*)**

Mesyuarat MNKT ke-78 pada 13 Julai 2021 telah bersetuju dengan Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Berpusat (*Centralised Labour Quarters - CLQ*). Garis panduan ini merupakan kaedah terbaik untuk perancangan penginapan pekerja bagi tempoh jangka panjang. CLQ ini boleh dilaksanakan di kawasan baharu maupun kawasan *brownfield* dengan memenuhi empat ciri umum pelaksanaan pembangunan CLQ iaitu kelengkapan kemudahan, kaedah pembangunan, kaedah pengurusan dan kos sewaan.

## **55. CADANGAN PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (UKBS) 1984**

Mesyuarat MNKT ke-78 pada 13 Julai 2021 telah bersetuju dengan Cadangan Pindaan kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 agar diterima pakai melalui suatu pindaan undang-undang kecil yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan diwartakan untuk dikuatkuasakan oleh PBT. Pindaan ini akan dapat memastikan undang-undang yang diguna pakai adalah sentiasa relevan, terkini dan memenuhi kehendak-kehendak semasa di samping membantu menggalakkan pertumbuhan industri serta meningkatkan kualiti pembinaan negara.

## **56. GARIS PANDUAN *RESILIENCE IN CONSTRUCTION (LANDSLIDE)* OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

Mesyuarat MNKT ke-79 pada 23 Jun 2022 telah bersetuju dengan Garis Panduan *Resilience in Construction (Landslide)* oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Garis panduan ini menyediakan cadangan bagi kaedah yang perlu dilakukan untuk pembangunan pembinaan infrastruktur kritikal di kawasan tanah tinggi. Infrastruktur kritikal yang dimaksudkan adalah yang berkemungkinan terjejas disebabkan oleh kejadian tanah runtuh dan memberi impak kepada ekonomi dan masyarakat setempat. Contoh infrastruktur kritikal yang menghadapi risiko tanah runtuh adalah jalan raya, bangunan, utiliti, telekomunikasi dan empangan.

**G** PROGRAM DI BAWAH  
JABATAN KERAJAAN TEMPATAN

**PROGRAM DI  
BAWAH JABATAN  
KERAJAAN  
TEMPATAN**



## (G) PROGRAM DI BAWAH JABATAN KERAJAAN TEMPATAN

### PROGRAM BANDAR SELAMAT

Program Bandar Selamat merupakan satu program di bawah PLANMalaysia, Kementerian Wilayah bagi membanteras kegiatan jenayah di peringkat PBT ke arah mewujudkan persekitaran hidup yang selamat. Di bawah program ini, JKT dan PBT bekerjasama dalam memasang kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan *hotspot* yang dikenal pasti oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sebanyak 968 unit CCTV di 45 buah PBT dengan peruntukan sebanyak RM112.9 juta telah dipasang di kawasan *hotspot*.

### PROGRAM PERPARITAN BANDAR

Program perparitan bandar merupakan satu insiatif bagi membantu pihak PBT dalam mengurus dan menyenggara perparitan bandar di kawasan PBT. Di bawah program ini, JKT mengumpul beberapa maklumat berkaitan perparitan bandar iaitu:

- a) lokasi *hotspot* banjir kilat;
- b) kolam takungan banjir; dan
- c) sistem perparitan.

Melalui maklumat yang dikemaskini oleh PBT setiap tahun, JKT merancang bantuan projek naik taraf sistem perparitan bagi mengurangkan hotspot banjir kilat di kawasan PBT. Selain itu, JKT juga mengadakan kolaborasi antara agensi seperti JPS dan JKR di dalam membantu PBT menyelesaikan isu banjir dan menguruskan sistem perparitan bandar. JKT juga memberi penekanan terhadap pembinaan kapasiti (*capacity building*) bagi pegawai PBT yang terlibat secara langsung dalam pengurusan sistem perparitan bandar melalui penganjuran kursus yang berkaitan setiap tahun.

## **PROGRAM KAWALAN PENCEMARAN AIR**

Di bawah program ini, JKT membantu PBT dalam mengawal pencemaran air melalui penerbitan garis panduan yang berkaitan seperti Garis Panduan Pemasangan Perangkap Minyak di Premis Makanan di Kawasan PBT dan Garis Panduan Pengurusan Premis Cucian Kenderaan di Kawasan PBT agar premis-premis yang dilesenkan mematuhi Akta dan peraturan sedia ada berkenaan pencemaran air. Melalui program ini juga, JKT memberi khidmat nasihat teknikal melalui pengauditan terhadap pematuhan garis panduan berkenaan yang dilaksanakan setiap tahun di PBT terpilih.

## **PROGRAM PENGURUSAN FASILITI**

Di bawah program ini, JKT membantu PBT dalam menguruskan fasiliti awam milik PBT seperti kolam renang dan pasar awam. JKT juga memberi khidmat nasihat melalui pengauditan terhadap pematuhan garis panduan berkenaan yang dilaksanakan setiap tahun di PBT terpilih.

JKT juga membantu PBT dalam memantau operasi premis kolam renang persendirian yang dilesenkan oleh PBT supaya premis berkenaan mematuhi aspek-aspek seperti keselamatan awam dan keselamatan air kolam renang dan kolam renang dapat digunakan oleh orang awam dengan selamat dan sihat.

## **APLIKASI I-TEGUR SEBAGAI SALURAN ADUAN TUNGGAL PBT**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mencadangkan supaya aplikasi i-Tegur dijadikan sebagai saluran aduan tunggal oleh semua pihak berkuasa tempatan (PBT). Objektif utama aplikasi i-Tegur adalah untuk menyediakan saluran aduan yang mesra pengguna kepada PBT. Aplikasi ini juga memudahkan pentadbir aduan di PBT untuk memantau dan menyelaraskan aduan yang diterima dengan cepat dan berkesan.

Aplikasi i-Tegur merupakan penjenamaan semula daripada aplikasi iKepoh dan ianya telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 10 Disember 2018 semasa Konvensyen Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan. Justifikasi penjenamaan semula ini ialah bagi mempertingkatkan program promosi serta pelaksanaan aplikasi tersebut telah ditambah baik agar lebih mesra pengguna, selamat, interaktif dan memenuhi trend aplikasi mobile terkini.

10 kategori Aduan dalam aplikasi i-Tegur adalah seperti berikut:

- (i) Kerosakan Jalan
- (ii) Lampu/Lampu isyarat
- (iii) Parkir/Binaan
- (iv) Tumbuhan/Rumput
- (v) Sampah
- (vi) Longkang/Parit
- (vii) Serangga/Haiwan
- (viii) Papan tanda/Iklan
- (ix) Pembakaran Terbuka
- (x) Tandas

Fungsi utama aplikasi i-Tegur adalah seperti berikut:

- (i) pengadu boleh membuat penghantaran aduan bergambar, dengan lokasi yang tepat dan secara langsung terus melalui telefon pintar;
- (ii) PBT dapat memberi maklum balas tindakan yang telah diambil terhadap aduan kepada pengadu secara bergambar melalui telefon pintar; dan
- (iii) dapat membantu PBT dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam memantau tindakan terhadap aduan yang diterima.

Projek aplikasi ini telah dilaksanakan secara rintis di tujuh (7) buah PBT mulai 2015. Projek rintis penggunaan aplikasi i-Tegur ini telah menunjukkan peningkatan penggunaannya iaitu daripada sebanyak 2,505 pengguna berdaftar pada tahun 2016 kepada sebanyak 5,853 pengguna berdaftar pada tahun 2017. Pelaksanaan i-Tegur terus

diperluas penggunaannya kepada semua PBT di seluruh negara pada Februari 2016. Sehingga kini, bilangan pengguna berdaftar adalah seramai 8,508 dan sebanyak 101 PBT telah mempunyai akaun pentadbir sistem i-Tegur serta menggunakan secara aktif sebagai salah satu daripada saluran aduan PBT.

Keunikan aplikasi i-Tegur adalah seperti berikut:

- (i) Inovasi terhadap PKPA Bil. 1/2009 dengan memendekkan proses pengurusan aduan dari 15 hari ke konsep *realtime* dan *paperless*;
- (ii) Satu saluran yang membolehkan rakyat menyalurkan aduan bergambar ke mana-mana PBT di Malaysia tanpa sempadan masa dan tempat;
- (iii) Aduan dihantar ke PBT bertanggungjawab secara automatik melalui pemandanan lokasi aduan dan sempadan PBT. Ianya telah membantu mengurangkan isu aduan yang melibatkan lokasi antara persempadanan PBT-PBT (*grey areas*);
- (iv) Komunikasi dua (2) hala berkesan antara rakyat kepada PBT atau sebaliknya. Pemakluman status tindakan aduan kepada Rakyat/Pengadu secara *real time*;
- (v) Pemantauan aduan dalam bentuk taburan atas peta persempadanan PBT (menggunakan teknologi *G/S – Geographic Information System*); dan
- (vi) *One Time Registration*, dengan satu ID Pengguna, rakyat boleh menghantar aduan ke mana-mana PBT di Malaysia berbanding penggunaan pelbagai aplikasi mudah alih aduan dari pelbagai PBT.

Pengguna boleh memuat turun aplikasi i-Tegur melalui telefon pintar secara percuma. Aplikasi i-Tegur ini juga dapat membantu PBT dalam pengurusan aduan dengan cekap dan cepat seiring dengan perubahan demografi dan gaya hidup masa kini. Langkah proaktif oleh pihak Kerajaan dalam menyediakan medium pengurusan aduan melalui i-Tegur diharap dapat mengembalikan keyakinan rakyat terhadap kredibiliti pentadbiran PBT.

**H** INOVASI DAN  
PENAMBAHBAIKAN



**INOVASI  
DAN  
PENAMBAHBAIKAN**



# (I) INOVASI DAN PENAMBAHBAIKAN


## PUSAT SETEMPAT (*ONE STOP CENTRE*)

OSC atau Unit Pusat Setempat diperkenalkan pada 13 April 2007 dan berfungsi untuk **menyelaras dan memantau permohonan cadangan pemajuan dan permit pembinaan**.

Ditambahbaik pada tahun 2011 dengan pengenalan **Sistem OSC Online** dan template seragam bagi senarai semak.

Penambahbaikan kepada OSC 3.0 pada 2014 yang merangkumi **enam (6) proses utama serta manual rujukan berasingan kepada PBT, PSP dan Agensi Teknikal**.

OSC 3.0 *Plus* digunakan melalui Pekeliling KSU KPKT Bil. 1 Tahun 2020 sehingga kini di 98 Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia.



## (i) MANUAL OSC 3.0 PLUS

Sebagai rujukan utama PBT, agensi/ jabatan teknikal dan juga Orang Berkelayakan (PSP/ SP).


Penerangan secara terperinci mengenai tatacara dan proses pengemukaan bagi pertimbangan cadangan pemajuan dan permit pembinaan yang telah diseragamkan.

Merangkumi fungsi, objektif, prosedur serta peranan pihak bertanggungjawab bagi setiap peringkat sehingga bangunan siap didirikan dan diikuti dengan pengeluaran CCC.

Disediakan berdasarkan undang-undang yang diwartakan di Malaysia terutama yang berkaitan dengan aspek pemajuan tanah dan bangunan.

**Boleh dimuat turun di:**

<https://jkt.kpkt.gov.my/sites/default/files/2021-09/Manual%20OSC%203.0%20Plus%20Cetakan%20Kedua%20Junit%202020.pdf>



## (ii) SISTEM OSC 3.0 PLUS ONLINE

Bagi memastikan keseragaman antara semua PBT, Sistem OSC 3.0 Plus Online telah direkabentuk agar selaras dengan enam (6) proses dan prosedur di dalam Manual OSC 3.0 Plus.



Sistem ini telah digunakan oleh Orang Yang Berkelayakan, 98 PBT di Semenanjung Malaysia merangkumi OSC dan Agensi Teknikal Dalaman serta Agensi Teknikal Luaran di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah.



## SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT)

Pada 2 Oktober 2007, Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-59 telah bersetuju agar penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) dilaksanakan di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sehubungan itu, **Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 1 Tahun 2008** menetapkan bahawa penilaian SPB-PBT pada asasnya akan diadakan sekali setiap dua (2) tahun.

Sehingga tahun 2022, penilaian SPB-PBT di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan telah dilaksanakan sebanyak enam (6) kali (tahun 2008, 2011, 2013, 2016, 2018 dan 2022), bagi Negeri Sarawak telah dilaksanakan sebanyak lima (5) kali (tahun 2011, 2014, 2017, 2019 dan 2022) serta bagi Negeri Sabah telah dilaksanakan sebanyak empat (4) kali (tahun 2013, 2017, 2019 dan 2022).

Pelaksanaan SPB-PBT bertujuan untuk **menilai tahap penyampaian perkhidmatan PBT kepada rakyat, pelanggan dan pemegang taruh (*stakeholders*) di seluruh negara** melalui satu sistem penilaian yang seragam. Keputusan penilaian SPB-PBT akan **menempatkan PBT pada tahap kedudukan yang sesuai** berdasarkan pencapaian iaitu 1 Bintang hingga 5 Bintang bagi meningkatkan kapasiti daya saing di kalangan PBT berdasarkan pencapaian dan kualiti pengurusan masing-masing. SPB-PBT turut berperanan menggalakkan semua PBT yang terlibat untuk **meningkat dan mengekalkan budaya kerja berprestasi tinggi** yang mencerminkan kecekapan pengurusan organisasi dan perkhidmatan perbandaran.

Penilaian SPB-PBT membolehkan **proses penandaarasan dilaksanakan antara semua PBT** dalam usaha menjayakan kecemerlangan organisasi. Melalui penarafan bintang ini, tadbir urus PBT yang efisien dan berkesan akan menyumbang secara tidak langsung kepada pertumbuhan ekonomi dan sosial serta peningkatan kualiti hidup setempat.

Di bawah Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12), salah satu petunjuk prestasi utama terpilih dalam Bab 13: Memperkuuhkan Penyampaian Perkhidmatan Sektor Awam adalah mensasarkan **90 peratus PBT mencapai penarafan 4 Bintang dan ke atas** dalam penilaian SPB-PBT. Penetapan petunjuk ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mentransformasikan PBT selaku *Urban Managers* yang cekap dan efisien dalam menangani isu perbandaran yang semakin kompleks dan mencabar.

Penilaian SPB-PBT Tahun 2022 mengekalkan **empat (4) Kriteria Utama** dengan penetapan wajaran markah mengikut keutamaan, iaitu **Pengurusan, Perkhidmatan-perkhidmatan Teras, Pengurusan Pelanggan, Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk**. Berikutan jumlah sub-kriteria telah bertambah daripada 17 kepada 18 sub-kriteria, penetapan markah sebelum ini telah diselaraskan semula bagi mencerminkan fokus semasa Kerajaan ke arah memperkasakan perkhidmatan dan tadbir urus PBT.

KRITERIA	MARKAH (%)	
	2018	2022
1. Pengurusan	20	20
2. Perkhidmatan-Perkhidmatan Teras	40	55
3. Pengurusan Pelanggan	15	10
4. Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk	25	15
<b>JUMLAH</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

**Jadual 1 : Empat (4) Kriteria Utama dengan penetapan wajaran markah mengikut keutamaan**

Penilaian SPB-PBT Tahun 2022 memberi tumpuan kepada pembangunan dan pelaksanaan Inisiatif-inisiatif Khas oleh PBT bagi mengukuhkan penilaian antaranya:

- (i) Pelaksanaan inisiatif Bandar Pintar (*Smart City*);
- (ii) Pelaksanaan inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals - SDGs*);
- (iii) Hubungan kerja, lawatan penandaarasan (*benchmarking*), pembentangan kertas kerja di peringkat Kebangsaan/Antarabangsa serta pengiktirafan inovasi yang dicipta/dibangunkan; dan
- (iv) Peningkatan pendapatan PBT daripada sumber lain.

Kaedah yang digunakan untuk melaksanakan penilaian SPB-PBT adalah seperti berikut:

- (i) Semakan dalam talian melalui laman sesawang/ portal PBT;
- (ii) Temu bual dengan penjawat awam di PBT berkenaan;
- (iii) Semakan ke atas fail, rekod dan dokumen-dokumen berkaitan;
- (iv) Pemerhatian dan pemeriksaan di pejabat PBT termasuk kaunter-kaunter dan persekitaran PBT; dan
- (v) Lawatan tapak dan premis-premis di bawah bidang kuasa PBT seperti tempat perniagaan, kemudahan awam, pasar awam dan kemudahan-kemudahan lain yang disediakan oleh PBT.

Sub-kriteria terperinci dan markah bagi set penilaian Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan, Negeri Sabah serta Negeri Sarawak adalah masing-masing seperti di **Lampiran I hingga III**.

## LAMPIRAN I

### KRITERIA DAN SUB-KRITERIA SPB-PBT BAGI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

KRITERIA & MARKAH		SUB-KRITERIA		PENARAFAN BINTANG
1.	Pengurusan (20%)	1.1	Pengurusan Organisasi	
		1.2	Pengurusan Kewangan dan Aset	
		1.3	Pengurusan Sumber Manusia	
2.	Perkhidmatan-perkhidmatan Teras (55%)	2.1	Pelaksanaan Dasar Pelesenan dan Kawalan Perniagaan	★★★★★ (90.00 - 100.00)
		2.2	Kawalan Pemajuan	
		2.3	Kawalan Bangunan	
		2.4	Pengurusan Penilaian dan Harta	
		2.5	Pengurusan Lalu Lintas dan Tempat Letak Kereta	
		2.6	Perancangan dan Pengurusan Landskap	
		2.7	Perancangan, Pelaksanaan dan Pemantauan Projek	
		2.8	Undang-Undang dan Penguatkuasaan	
		2.9	Aktiviti Kawalan Persekitaran	
		2.10	Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam <i>(Bagi Negeri-negeri yang tidak menerima pakai Akta 672)</i>	
		2.11	Inisiatif Khas PBT	
3.	Pengurusan Pelanggan (10%)	3.1	Perkhidmatan-Perkhidmatan Barisan Hadapan	
		3.2	Pengurusan Aduan	
4.	Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk (15%)	4.1	Penglibatan Komuniti	
		4.2	Pandangan Penduduk	

## LAMPIRAN II

### KRITERIA DAN SUB-KRITERIA SPB-PBT BAGI NEGERI SABAH

KRITERIA & MARKAH		SUB-KRITERIA		PENARAFAN BINTANG
1.	Pengurusan (20%)	1.1	Pengurusan Organisasi	 (90.00 - 100.00)
		1.2	Pengurusan Kewangan dan Aset	
		1.3	Pengurusan Sumber Manusia	
2.	Perkhidmatan-perkhidmatan Teras (55%)	2.1	Pelaksanaan Dasar Pelesenan dan Kawalan Perniagaan	 (75.00 - 89.99)
		2.2	Kawalan Pemajuan	
		2.3	Kawalan Bangunan	
		2.4	Pengurusan Penilaian dan Harta	
		2.5	Pengurusan Lalu Lintas dan Tempat Letak Kereta	
		2.6	Perancangan dan Pengurusan Lanskap	 (60.00 - 74.99)
		2.7	Perancangan dan Pelaksanaan Projek	
		2.8	Undang-Undang dan Penguatkuasaan	
		2.9	Aktiviti Kawalan Persekutaran	
		2.10	Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	 (46.00 - 59.99)
		2.11	Inisiatif Khas PBT	
3.	Pengurusan Pelanggan (10%)	3.1	Perkhidmatan-Perkhidmatan Barisan Hadapan	 (45.99 dan ke bawah)
		3.2	Pengurusan Aduan	
4.	Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk (15%)	4.1	Penglibatan Komuniti	
		4.2	Pandangan Penduduk	

### LAMPIRAN III

#### KRITERIA DAN SUB-KRITERIA SPB-PBT BAGI NEGERI SARAWAK

KRITERIA & MARKAH		SUB-KRITERIA		PENARAFAN BINTANG
1.	Pengurusan (20%)	1.1	Pengurusan Organisasi	
		1.2	Pengurusan Kewangan dan Aset	
		1.3	Pengurusan Sumber Manusia	
2.	Perkhidmatan-perkhidmatan Teras (55%)	2.1	Pelaksanaan Dasar Pelesenan dan Kawalan Perniagaan	★★★★★ (90.00 - 100.00)
		2.2	Kawalan Bangunan	
		2.3	Pengurusan Penilaian dan Harta	
		2.4	Pengurusan Lalu Lintas dan Tempat Letak Kereta	
		2.5	Perancangan dan Pengurusan Lanskap	
		2.6	Perancangan dan Pelaksanaan Projek	
		2.7	Undang-Undang dan Penguatkuasaan	
		2.8	Aktiviti Kawalan Persekitaran	
		2.9	Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	
		2.10	Perpustakaan	
		2.11	Inisiatif Khas PBT	
3.	Pengurusan Pelanggan (10%)	3.1	Perkhidmatan-Perkhidmatan Barisan Hadapan	
		3.2	Pengurusan Aduan	
4.	Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk (15%)	4.1	Penglibatan Komuniti	
		4.2	Pandangan Penduduk	

## **PORTAL eJKT**

Portal eJKT dibangunkan sebagai ‘One Stop Management’ yang bertindak sebagai medium utama untuk mentadbir urus aktiviti-aktiviti pembangunan PBT. Bagi memudahkan capaian kepada sistem-sistem yang ada di JKT, ianya mengguna pakai konsep ‘Single Sign On’ (SSO) di mana pengguna hanya memerlukan satu identiti untuk memasuki sistem-sistem yang terlibat dan dapat mencapai laporan sistem-sistem berikut secara setempat tanpa perlu melalui proses login berulang kali. Portal ini memuatkan pautan sistem sedia ada dan baru di JKT yang terdiri daripada sistem-sistem seperti berikut:

- (i) Sistem eBP1; dan
- (ii) Sistem eProfil.

### **(i) SISTEM eBP1**

Sistem eBP1 merupakan suatu sistem yang dibangunkan bagi membolehkan PBT memohon untuk:

- ❖ Permohonan projek - Dua (2) buah jenis projek iaitu projek besar dan projek kecil. Melibatkan dari permohonan, pemantauan sehingga kepada pembayaran selesai
- ❖ Permohonan Sumbangan Bantu Kadar (SMK)
- ❖ Permohonan Pembayaran Bil Elektrik
- ❖ Permohonan Geran Tahunan

Permohonan ini akan dilakukan oleh para pegawai di PBT dan akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada para pegawai di JKT berdasarkan kepada prosedur-prosedur yang telah dipersetujui oleh pihak kementerian dan jabatan. Secara tidak langsung, ianya membantu JKT dalam merancang, mengawal dan menyelia projek pembangunan baru di peringkat PBT secara lebih efisyen.

### **(ii) SISTEM ePROFIL PBT**

Sistem eProfil PBT pula adalah sistem yang mengumpul segala maklumat mengenai 149 PBT di seluruh Malaysia dari segi latar belakang, perkhidmatan teras, kemudahan, demografi dan lain-lain.

Para pengguna Sistem eProfil terdiri daripada para pegawai di PBT mengikut seliaan bidang masing-masing, manakala pegawai di JKT sebagai pentadbir dan pengurusan tertinggi JKT sebagai pemerhati.

Daripada maklumat-maklumat asas yang dimasukkan oleh pihak PBT, ianya dapat dijadikan panduan kepada JKT dalam penyediaan laporan, jawapan parlimen, maklum balas mesyuarat-mesyuarat utama dan juga sebagai informasi kepada agensi-agensi lain. JKT juga dapat merangka program-program pembangunan dan penambahbaikan di PBT serta penyediaan garis panduan dengan maklumat tersebut.

## SISTEM ePBT 2.0

Sistem ePBT 2.0 merupakan sistem teras di PBT yang berfungsi untuk menguruskan terimaan hasil dan kewangan PBT. Sistem ini berkonsepkan web terdiri daripada 21 Modul Utama. Objektif sistem adalah meningkatkan kecekapan jentera pentadbiran dan pelaksanaan negara selaras dengan rancangan/ dasar Kerajaan berkenaan ICT dan merapatkan jurang perbezaan teknologi maklumat antara PBT yang berkemampuan dan PBT yang kurang berkemampuan.

## APLIKASI MOBILE MyWC

Aplikasi mudah alih MyWC dibangunkan sepenuhnya oleh Bahagian Pengurusan Maklumat, Jabatan Kerajaan Tempatan. Aplikasi ini membolehkan pengguna mencari tandas milik PBT yang berdekatan. Dengan menggunakan teknologi *Global Positioning System (GPS)*, aplikasi ini membolehkan pengguna menavigasi secara terus ke arah tandas yang dipilih.

Selain itu, aplikasi MyWC menyediakan informasi berkaitan kemudahan yang terdapat di tandas awam seperti keperluan orang kurang upaya (OKU), bilik tukar lampin, tandas berbayar atau tidak berbayar dan lain-lain lagi di bawah seliaan PBT masing-masing. Pengguna juga boleh memberi penilaian terhadap tandas dengan memilih ikon *smiley* yang disediakan.

## PBTPay

PBTPay merupakan sebuah gerbang pembayaran dalam talian yang dibangunkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi tujuan semakan dan bayaran bil kepada mana-mana PBT secara *counterless & cashless*.

PBTPay dilaksanakan oleh JKT pada 15 Januari 2020 melibatkan pembayaran cukai taksiran bagi 46 PBT perintis yang kebanyakannya melibatkan PBT yang tidak mempunyai kemudahan pembayaran cukai taksiran secara dalam talian. Ianya telah meningkatkan keupayaan PBT dalam menyediakan kemudahan ePembayaran kepada pemilik harta tanah di PBT. Manakala bagi PBT yang telah mempunyai saluran ePembayaran mereka sendiri, PBTPay merupakan sebuah saluran tambahan bagi tujuan pembayaran cukai taksiran kepada PBT tersebut.

Sehingga April 2023 99 PBT telah melaksanakan PBTPay bagi perkhidmatan pembayaran cukai taksiran, kompaun, sewa, bil pelbagai, lesen dan OSC 3.0 Plus melibatkan 461,800 transaksi bayaran berjumlah RM337 juta.

PBTPay telah menerima penghargaan daripada PayNet melalui Anugerah *Malaysian e-Payments Excellence Awards* (MEEA) bagi kategori *Leadership in e-Payments* bagi Sektor Kerajaan Tahun 2020.

**Alamat portal PBTPay:**  
<https://pbtpay.kpkt.gov.my>